

MASALAH PRAKTIKUM DI KALANGAN GURU-GURU PELATIH
INSTITUT PERGURUAN DARULAMAN

MOHAMAD FAUZI BIN HAMID

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2003



Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, **certify** that)

MOHAMAD FAUZI BIN HAMID

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)


MASALAH PRAKTIKUM DI KALANGAN GURU-GURU PELATIH INSTITUT

PERGURUAN DARULAMAN

seperti yang tercatat di muka surat **tajuk** dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front **cover** of project paper)

bahawa kertas projek **tersebut** boleh diterima dari **segi** bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang **ilmu** dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in **form** and content, and **that** a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor) : Prof. Madya Dr. Nurahimah bt. Mohd Yusoff

Tandatangan
(Signature) : 

Tarikh
(Date) : 13/8/03

**MASALAH PRAKTIKUM DI KALANGAN
GURU-GURU PELATIH INSTITUT PERGURUAN DARULAMAN**

Tesis ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan),
Universiti Utara Malaysia

Mohamad Fauzi bin Hamid

**@ Mohamad Fauzi bin Hamid;
Hakcipta Terpelihara**

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek ini adalah sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan Perpustakaan Universiti Utara Malaysia untuk membuat salinan Kertas Projek ini dibuat sebahagian atau keseluruhan, bagi tujuan akademik melalui kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, oleh Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada Kertas Projek ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis dari saya. Pengiktirafan sewajarnya haruslah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia. Bagi sebarang penggunaan bahan daripada Kertas Projek ini untuk tujuan penulisan, permohonan untuk mendapat kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan secara keseluruhan atau sebahagian haruslah dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darulaman.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) semasa menjalani praktikum. Kajian ini berhasrat untuk menerokai punca masalah tersebut serta kesannya terhadap guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat yang sedang menjalani praktikum di empat buah sekolah di negeri Kedah. Pengumpulan data dilakukan dalam tempoh empat minggu. Data yang terkumpul ialah dalam bentuk transkrip temu bual, penulisan rancangan mengajar harian, catatan refleksi pelajar dan pemerhatian oleh pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat semasa menjalani praktikum berpunca dari interaksi dengan pelajar dan hubungan antara mereka dengan pensyarah pembimbing. Masalah yang timbul dari interaksi dengan pelajar boleh dikategorikan dalam bentuk masalah pengajaran dan pembelajaran, masalah disiplin, dan masalah pengurusan kelas. Masalah yang berpunca dari interaksi dengan pensyarah pembimbing boleh dikategorikan dari aspek penilaian, jangkaan, dan komen pensyarah pembimbing. Semua masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat ini, menghasilkan tekanan di kalangan mereka. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji ingin mengajak para pembaca untuk menyelami suka duka kehidupan sebagai guru pelatih yang penuh dengan ranjau dan duri. Selain itu, pengkaji berharap supaya hasrat Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk menyediakan guru pelatih yang cemerlang akan menjadi satu realiti.

ABSTRACT

Practicum is an important aspect in the teacher training programme. The purpose of this study is to identify the problems and their effect on the Postgraduate Teacher Training Course (PTTC) majoring in Information Communication Technology. The trainee teachers had undergone practicum in four schools in Northern Kedah. Six trainees teachers and four lecturers were selected to be the respondents in this study. The data for this qualitative study were based on interview transcripts, daily lesson plans, reflections by the trainees and observations by the researcher. The problems faced by the trainees with their students could be categorised into teaching and learning problems, discipline problems, and class management problems. The problems faced by the trainees with their lecturers were problems concerning evaluation, expectations and comments by the lecturers. All the problems faced by these Postgraduate Teacher Training Course (PTTC) a considerable amount of pressure in them. From the study carried out, the researcher wishes to draw the attention of readers towards the good and the bad experiences faced by these trainee teachers during the practicum. Besides, it is also hoped that the intention of the Teacher Education Division to produce quality teacher be achieved.

PENGHARGAAN

Untuk penyelia saya, Prof. Madya Dr. Nurahimah bt. Mohd Yusoff dan rakan-rakan yang banyak membantu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesabaran, bimbingan, sokongan dan galakkan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Saya banyak berhutang budi kepada pihak Bahagian Pendidikan Guru, dan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran dan seterusnya menghasilkan kajian ini. Begitu juga kepada Pengarah, Timbalan Pengarah dan Setiausaha Jawatankuasa Praktikum, Institut Perguruan Darulaman yang banyak memberi kerjasama untuk menggunakan responden guru pelatih dan pensyarah. Tidak lupa juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi kebenaran menjalankan kajian ini serta kemudahan perpustakaan untuk membuat rujukan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan yang paling istimewa ialah untuk ayahanda tersayang, isteri dan anak-anak tercinta kerana banyak berkorban sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Pengorbanan kalian tidak akan dilupakan sampai akhir hayat.

Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan kepada semua guru pelatih dan rakan-rakan pensyarah yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kerjasama dan sokongan anda semua akan saya kenang selama-lamanya.

MOHAMAD FAUZI BIN HAMID

Jabatan Ilmu Pendidikan & Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Institut Perguruan Darulaman.

06000 JITRA,

Kedah Darulaman

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Kandungan	vi
Senarai Lampiran	viii

BAB 1 : PENGENALAN

Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	5
Objektif Kajian	6
Soalan-soalan Kajian	7
Kepentingan Kajian	7
Batasan Kajian	8
Definisi Operasional	9
Rumusan	11

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

Pengenalan	13
Hala tuju Pendidikan Perguruan Masa Kini	13
Masalah Yang di Hadapi Oleh Guru-guru Pelatih Semasa Praktikum	16
Persepsi Guru Pelatih Terhadap Guru Pembimbing	20
Rumusan	21

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	23
Reka Bentuk Kajian	23
Kaedah Kajian	25
Tempat Kajian	27
Responden Kajian	31
Instrumen Kajian	33
Kajian Rintis	37
Mengumpul Data	38
Analisa Data Kualitatif	41
Rumusan	43

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

Latar belakang Responden	45
Responden Guru Pelatih	45
Responden Pensyarah Pembimbing	49
Dapatan Kajian	52
Rumusan	80

BAB 5 : PERBINCANGAN

Pengenalan	83
Perbincangan Dapatan Kajian	83
Cadangan Untuk Mengatasi Masalah	88
Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang	91
Kesimpulan	94

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Borang persetujuan kajian (responden)
- Lampiran 2 Borang pemerhatian latihan praktikum
- Lampiran 3 Borang penyeliaan praktikum (pensyarah pembimbing)
- Lampiran 4 Soalan-soalan temu bual guru pelatih
- Lampiran 5 Contoh temu bual dengan responden guru pelatih
- Lampiran 6 Soalan-soalan temu bual pensyarah pembimbing
- Lampiran 7 Contoh temu bual dengan responden pensyarah pembimbing
- Lampiran 8 Surat kebenaran menjalankan penyelidikan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Program praktikum merupakan sebahagian daripada keseluruhan kurikulum atau program latihan guru yang dirancang khusus untuk mendedahkan guru-guru pelatih kepada keperluan pengajaran di dalam bilik darjah. Praktikum ini memberi tumpuan kepada tugas-tugas pengajaran supaya dapat memenuhi keperluan ikhtisas kerjaya perguruan bagi melahirkan guru-guru yang berwibawa sebagai penggerak kepada pendidikan di sekolah. Program praktikum adalah komponen penting dalam kurikulum latihan perguruan pra perkhidmatan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru. Program ini merupakan satu kontinum yang bermula sebaik sahaja guru pelatih mengikuti kursus di institut atau maktab perguruan. Program praktikum ini dinyatakan oleh Bahagian Pendidikan Guru (2000) seperti berikut;

- i. Pra praktikum yang dijalankan di maktab perguruan merangkumi pengajaran makro dan pengajaran mikro. Program ini merupakan persediaan awal bagi guru pelatih sebelum mereka menjalani praktikum.

- ii. Praktikum dilaksanakan di sekolah-sekolah merangkumi Rancangan Orientasi Sekolah (ROS). Program praktikum yang dilaksanakan ini memberi peluang kepada guru pelatih mempraktikkan teori dalam amalan pengajaran pembelajaran.

Dalam proses pelaksanaan praktikum ini, guru pelatih perlu menguasai dan mengamalkan segala konsep, prinsip, kemahiran dan nilai yang diperlukan oleh seorang insan guru yang profesional. Latihan mengajar juga membantu perkembangan potensi guru pelatih supaya mempunyai daya ketahanan diri dalam menghadapi pelbagai cabaran di sekolah.

Konsep utama dalam pelaksanaan praktikum, adalah untuk memberi bimbingan dan latihan kepada guru pelatih di samping wujud juga aspek penilaian. Proses ini memerlukan jalinan kerjasama dan perkongsian pengalaman serta kepakaran antara maktab perguruan dan pihak sekolah yang menjadi teras pelaksanaan praktikum. Pemaufakatan yang mantap dan berstruktur ini dapat membantu perkembangan sekolah dari segi peningkatan profesionalisme guru.

Komponen utama yang perlu ada dalam praktikum ialah Rancangan Orientasi Sekolah (ROS), pengajaran dan pengalaman bilik darjah, pengajaran dan pengalaman luar bilik darjah dan pembinaan sahsiah yang sesuai dengan profesion keguruan. Bahagian Pendidikan Guru (2000). Setiap guru pelatih sama ada yang mendapat latihan keguruan di maktab atau di universiti perlu menjalani praktikum sebelum

dibenarkan mengajar walaupun bakal guru itu seorang siswazah yang mempunyai pengetahuan ilmiah yang tinggi tetapi belum mencukupi baginya untuk menjadi guru yang baik. Oleh itu bakal guru perlu menjalani praktikum secara amali (*hands-on*) sebelum layak dilantik sebagai seorang guru terlatih.

Freeman (1989:27) menegaskan;

“... teacher education has become fragmented; too often its effort focus on auxillary areas such as ... methodology ... while overlooking the core teaching itself”.

Bagi memenuhi hasrat ini Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan semua bakal-bakal guru di semua maktab perguruan mengadakan sesi latihan mengajar untuk memberi pendedahan pengalaman mengajar sebelum guru-guru pelatih ini dilantik sebagai guru terlatih. Melalui latihan mengajar, guru-guru pelatih dapat merasai suasana sebenar hal-hal yang berkaitan dengan dunia persekolahan. (Abd Rashid & Zuraida Ismail; 2001)

1. Apakah pengalaman sebenar yang dialami oleh guru pelatih di sekolah?
2. Apakah sungutan dan rintihan guru pelatih ketika mengajar?
3. Apakah perasaan suka duka guru pelatih ketika berinteraksi dengan pelajar?
4. Apakah yang mengembirakan guru pelatih semasa latihan mengajar ?
5. Apakah yang menakutkan guru pelatih?

6. Bagaimanakah bentuk pengalaman yang diperolehi oleh guru-guru pelatih ini semasa ditempatkan di sekolah?
7. Bagaimanakah mereka menyusun strategi untuk menyelesaikan antara masalah peribadi dengan masalah profesion ketika mengikuti praktikum?

Latihan mengajar atau praktikum adalah satu bentuk latihan yang dimestikan kepada semua pelajar jurusan pendidikan di institusi pengajian tinggi seluruh dunia. Konsep praktikum yang dilaksanakan ini adalah mirip kepada konsep “*internship*” yang dilalui oleh para doktor pelatih. Ia merupakan jambatan penghubung yang mentautkan antara pengetahuan teori yang diperolehi daripada bilik-bilik kuliah dengan realiti di bilik-bilik darjah (Sund and Trowbridge, 1999).

Perlaksanaan praktikum penting kerana kebanyakan guru-guru pelatih tidak mempunyai pengalaman mengajar di sekolah. Berdasarkan kepada program praktikum ini guru pelatih akan didedahkan dengan situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar yang akan mereka lalui sepanjang mereka berkhidmat dalam profesion pendidikan. Persoalan yang wujud dari praktikum ini ialah apakah masalah yang dialami oleh guru-guru pelatih ketika menjalani praktikum di sekolah-sekolah? Keberkesanan sesuatu praktikum itu bergantung kepada bagaimana guru-guru pelatih dapat menyesuaikan diri mereka dengan masalah yang mereka alami. Di samping itu faktor pengurusan dan perlaksanaan tentang bidang penyeliaan dan bimbingan dalam praktikum juga mempengaruhi kejayaan sesuatu praktikum itu.

Oleh itu, pengkaji akan membuat kajian untuk mendapat pandangan, pendapat dan refleksi daripada guru-guru pelatih tentang pengalaman mereka semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Kajian ini dilakukan di Institut Perguruan Darulaman terhadap guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Teknologi Maklumat yang sedang menjalani praktikum di sekolah. Selain dari itu, responden lain yang dipilih dalam kajian ini ialah pensyarah-pensyarah pembimbing yang terlibat dalam membimbing dan menyelia guru-guru pelatih.

Maklum balas yang diterima akan menjadi titik tolak untuk merancang dan memperbaiki program praktikum di Institut Perguruan Darulaman (IPDA) pada masa akan datang supaya dapat melahirkan bakal-bakal guru yang berkebolehan dan berketrampilan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.

Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Teknologi Maklumat merupakan satu mata pelajaran baru yang diperkenalkan di 75 buah sekolah menengah pada tahun 2000 di seluruh negara. Untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar dalam bidang tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memilih calon-calon yang berkebolehan dan berkecukupan untuk mengikuti program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di empat buah maktab perguruan iaitu, Maktab Perguruan Tun Abd. Razak, Sarawak, Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bahru, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur dan Institut Perguruan Darulaman, Jitra, Kedah.

Guru-guru pelatih ini dilatih selama setahun dengan mengikuti kurikulum latihan perguruan yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selama tujuh bulan, guru-guru pelatih tersebut didedahkan dengan teori-teori pendidikan dan kemahiran pedagogi. Selebihnya, guru-guru pelatih tersebut perlu mengikuti program praktikum di sekolah-sekolah.

Mata pelajaran Teknologi Maklumat merupakan bidang kursus yang baru diperkenalkan dalam latihan perguruan, maklum balas dari guru pelatih yang menjalani praktikum di sekolah dalam pelaksanaan mata pelajaran Teknologi Maklumat di sekolah sangat penting untuk dikaji. Pengkaji hanya memfokuskan kajian ini kepada amalan pengajaran dan pembelajaran guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) bagi kursus Teknologi Maklumat yang sedang menjalani praktikum di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Kubang Pasu, daerah Kota Star dan daerah Padang Terap Pendang..

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji dengan tujuan untuk meninjau:-

1. Kemampuan guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Teknologi Maklumat membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran semasa mereka menjalani praktikum di sekolah.
2. Kebolehan guru-guru pelatih KPLI, Teknologi Maklumat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran semasa praktikum.

3. Masalah-masalah praktikum yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Kajian ini akan melihat pelaksanaan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dipelajari oleh guru pelatih di maktab perguruan. Dapatan dari kajian ini akan membantu guru-guru pelatih di Institut Perguruan Darulaman (IPDA) untuk menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran yang mereka alami semasa praktikum.

Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut;

- i. Apakah persepsi guru-guru pelatih terhadap praktikum ini secara keseluruhannya.?
- ii. Apakah masalah yang dialami oleh guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran ketika praktikum?
- iii. Sejauh manakah bimbingan yang diterima dari pensyarah pembimbing dapat membantu guru pelatih menjalani praktikum dengan berkesan?

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan berikut;

1. Menerusi kajian ini, pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut Perguruan Darulaman (IPDA) dapat menentukan sama ada kurikulum yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Guru kepada guru-guru pelatih

KPLI dapat menyediakan bakal guru yang mampu menghadapi praktikum selama 10 minggu ini.

2. Kajian ini akan memberi maklum balas kepada Jawatankuasa Praktikum IPDA tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa menghadapi praktikum di sekolah supaya satu mekanisma penyelesaian dapat dilakukan.
3. Amalan refleksi dan penilaian sendiri merupakan satu aspek latihan yang penting bagi perkembangan diri dan profesionalisme seseorang guru. Menerusi kajian ini, pengkaji akan dapat memaparkan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum dan dapat mengambil tindakan susulan bagi membantu guru pelatih meningkatkan lagi amalan refleksi mereka ketika praktikum dilaksanakan.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan responden yang dipilih terdiri daripada enam orang guru pelatih KPLI semester 2 yang mengikuti kursus Teknologi Maklumat serta empat orang pensyarah pembimbing yang dipilih berdasarkan kepada penyeliaan yang mereka jalankan terhadap guru pelatih tersebut. Guru-guru pelatih ini mula mengikuti kursus pada Januari 2002 yang sedang menjalani praktikum pada 20 Julai 2002 sehingga 15 Oktober 2002. Pemilihan guru-guru pelatih sebagai responden dibuat berdasarkan kepada lokasi sekolah mereka ditempatkan iaitu di luar bandar, pinggir bandar dan di dalam bandar di sekitar daerah Padang Terap Pendang, daerah Kubang Pasu dan daerah Kota Star di negeri Kedah.

Masalah masa yang terhad untuk pemerhatian, temu bual dengan guru-guru pelatih dan pensyarah pembimbing menyebabkan pengkaji terpaksa menghadkan bilangan responden yang dipilih untuk kajian ini. Penganalisaan data dilakukan berdasarkan kepada catatan pengkaji semasa memerhati pengajaran guru pelatih di bilik darjah, temu bual bersama responden, catatan buku ringkasan mengajar dan catatan refleksi pelajar. Oleh kerana dapatan yang didapati hanya berdasarkan kepada responden yang terhad ini, maka interpretasi dan rumusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini beberapa istilah yang digunakan membawa kepada maksud khusus untuk kajian ini seperti yang dinyatakan dibawah;

Praktikum

Praktikum merupakan pendedahan awal kepada guru-guru pelatih kepada alam persekolahan dari perspektif seorang guru. Program ini memberi peluang kepada guru-guru pelatih memahami situasi sekolah sebagai suatu institusi pendidikan di samping mengetahui peranan guru dalam pendidikan. Pengalaman guru pelatih melibatkan diri dalam program praktikum ini, mereka berpeluang mengaplikasikan teori, panduan, pendekatan dan teknik mengajar dalam situasi bilik darjah di samping penerapan nilai-nilai murni dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah.

Perlaksanaan program praktikum ini, memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan bimbingan melalui perkongsian pintar dan pemaufakatan antara maktab dengan sekolah dan agensi-agensi yang lain. Tempoh perlaksanaan praktikum oleh guru-guru pelatih KPLI kursus Teknologi Maklumat ialah 10 minggu sahaja.

Guru Pelatih

Merujuk kepada bakal-bakal guru yang sedang mengikuti kursus di Institut Perguruan Darulaman. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengambil enam orang guru-guru pelatih dari Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang mengikuti kursus Teknologi Maklumat ambilan Januari 2002, yang sedang menjalani praktikum di beberapa buah sekolah di daerah Padang Terap Pendang, daerah Kota Star dan daerah Kubang Pasu di negeri Kedah.

Pensyarah Pembimbing

Merujuk kepada pensyarah-pensyarah yang sedang mengajar di IPDA dan menyelia praktikum kepada guru-guru pelatih. Pensyarah pembimbing ditakrifkan sebagai pensyarah yang terlatih, berpengalaman dan berupaya tinggi yang dilantik oleh Jawatankuasa Praktikum IPDA untuk membuat pencerapan kepada guru-guru pelatih. Mereka dianggap sebagai mentor kepada guru-guru pelatih yang sedang menjalani praktikum. Dalam kajian ini, pensyarah pembimbing yang dipilih untuk ditemu bual

ialah pensyarah yang sedang mengajar kursus-kursus Teknologi Maklumat di IPDA lebih daripada 5 tahun.

Rumusan

Profesion keguruan adalah sama dengan profesion kedoktoran yang memerlukan latihan secara intensif dalam jangkamasa tertentu. Dalam jangkamasa latihan yang berbentuk profesional iaitu sebelum guru pelatih ditauliahkan sebagai guru terlatih mereka dimestikan menjalani praktikum mengikut peruntukan masa yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Sepanjang tempoh sesi pengajaran dalam praktikum, guru-guru pelatih diberi kebebasan untuk menunjukkan kesungguhan, keyakinan, kecemerlangan semasa menyampaikan isi pengajaran kepada pelajar-pelajar mereka. Beberapa aspek tertentu dinilai oleh pensyarah pembimbing semasa penyeliaan dijalankan. Misalnya aspek perancangan dan persediaan mengajar, teknik pengajaran, penglibatan pelajar, suasana pembelajaran, kaedah penilaian di dalam kelas dan sahsiah guru-guru pelatih.

Guru-guru pelatih ini juga diberi peluang secukupnya untuk membuat penilaian sendiri terhadap komitmen kerja mereka yang meliputi dimensi kepuasan kerja mereka, hubungan rakan sejawat dan keperihatinan hubungan dengan pihak sekolah. Program praktikum yang dilalui oleh guru pelatih merupakan program yang akan menguji keupayaan mereka mengorientasikan teori-teori yang dipelajari secara praktis di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Sebagai persediaan kepada seorang bakal guru yang akan mengajar di sekolah, kesediaan mereka menjalani praktikum perlu dilihat dari segi penguasaan mereka terhadap *subject matter* dan *pedagogical content knowledge*.

Persediaan yang rapi oleh guru pelatih akan dapat dinikmati apabila mereka dapat menjalani dengan jayanya ‘ujian simulator’ semasa menjalani program practicum di sekolah. Sekolah yang menjadi tempat guru pelatih menjalani practicum merupakan simulator yang akan menentukan keupayaan mereka membina imej guru yang berketrampilan. Sehubungan dengan itu, sebarang permasalahan yang wujud terhadap guru pelatih perlu diatasi oleh pihak latihan perguruan. Misalnya ruang kerja yang kondusif akan menggalakkan daya inovasi dan kreativiti dalam pengajaran disamping mendidik mereka menjadi pekerja yang berilmu (e-workers).

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

Pengenalan

Bab ini memberi tumpuan kepada bahan-bahan dan kajian-kajian yang berkaitan tentang latihan praktikum. Kajian-kajian yang berkaitan ini dilakukan oleh para sarjana tempatan dan juga dari luar negara. Bahan-bahan dan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana ini difokuskan kepada aspek-aspek berikut :

- a) hala tuju pendidikan perguruan masa kini,
- b) masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum,
- c) persepsi guru pelatih terhadap guru pembimbing,
- d) kepentingan refleksi dan penilaian sendiri.

Hala tuju Pendidikan Perguruan Masa Kini

Mengikut Zakaria (1997), aspek pengajaran pedagogi secara khusus dalam pendidikan perguruan masa kini kurang diberi perhatian dan tekanan. Oleh itu, wujud jurang antara teori yang dipelajari oleh guru-guru pelatih dengan amalan pengajaran yang berlaku di sekolah. Guru-guru pelatih menghadapi masalah untuk menganalisis isi kandungan sukatan pelajaran semasa membuat persediaan mengajar.

Masalah ini wujud kerana ada pihak berpendapat bahawa proses pengajaran adalah satu proses penyampaian yang boleh dipelajari melalui peniruan. Sebaliknya, pengajaran merupakan satu pendekatan yang melibatkan penggunaan kemahiran yang khusus seperti cara konsep dipelajari, cara untuk menyelesaikan masalah, cara memberi maklum balas kepada pelajar dan cara memotivasikan pelajar.

Aliran-aliran masa kini dalam pendidikan guru di dalam dan di luar negara menunjukkan aliran ke arah latihan berasaskan sekolah. Guru-guru pelatih di England misalnya dikehendaki menjalani dua pertiga daripada tempoh latihan di sekolah pada tahun 1993. Di Malaysia, program praktikum untuk guru-guru pelatih di peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia mula dijalankan dalam dua peringkat bagi kursus perguruan asas mulai tahun 1993. Praktikum Fasa I dijalankan selama sembilan minggu dan praktikum Fasa II dilaksanakan selama 17 minggu atau satu semester.

Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengkaji kualiti dan keberkesanan program pendidikan guru. Isu semasa dalam pendidikan perguruan yang sering diperbincangkan ialah jurang antara teori dan amali. Terdapat guru-guru lepasan maktab yang telah bekerja menyatakan bahawa latihan perguruan kurang sesuai dengan keperluan mereka di sekolah (Jean M Harris, 1997).

Dalam latihan perguruan di Britian dan Eropah, berlaku perubahan dengan memberi tekanan yang lebih kepada latihan khusus di sekolah. Aliran ini cuba mengelakkan daripada memberi pendedahan teori dan pengetahuan mata pelajaran kepada bakal-bakal guru. Lulusan guru pelatih menyatakan bahawa teori dan amalan

telah terpisah hingga ada di kalangan guru menganggap teori kurang sesuai (Talbot, 1991).

Aliran pemikiran ini telah cuba untuk mengatasi masalah ini dengan memberi sokongan kepada pandangan yang mengatakan bahawa cara yang terbaik bagi menggabungkan teori dengan amali adalah dalam situasi bilik darjah. Justeru itu, teori dapat dikaitkan dengan amali dan kedua-duanya amat penting dalam proses pengajaran.

Latihan perguruan pada masa kini lebih bercorak latihan berasaskan sekolah dan dapat memberi pengalaman kepada guru pelatih. Dapatan kajian oleh Williams (1998) menunjukkan pendapat guru pelatih bahawa latihan berasaskan sekolah adalah membebankan jika input yang diberikan oleh pihak maktab atau institusi perguruan tidak mencukupi sebelum latihan di sekolah dimulakan.

Masalah ini wujud apabila terdapat sokongan yang terhad daripada pihak sekolah dalam aspek penyeliaan semasa guru-guru pelatih menjalani latihan praktikum. Untuk mengatasi masalah ini, bakal-bakal guru perlu diberi pengenalan dan pendedahan iklim pendidikan di sekolah melalui program Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) selama dua minggu sebelum mereka menjalani latihan mengajar di sekolah.

Matlamat pendidikan perguruan berasaskan sekolah adalah untuk meningkatkan profesionalisme dan ketrampilan guru-guru serta merapatkan

hubungan di antara teori dan amalan-amalan pendidikan di sekolah. Program ini akan menjadikan pengalaman-pengalaman dalam sekolah sebagai sebahagian yang ‘*integral*’ dalam kursus pendidikan bagi mewujudkan jalinan kerjasama antara pengamal pendidikan dengan ahli-ahli akademik. Kesimpulannya dapat dinyatakan bahawa kursus perguruan untuk melahirkan golongan guru-guru pelatih yang berketrampilan adalah satu usaha kolaboratif antara semua pihak yang terlibat seperti penggubalan kurikulum di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, institusi perguruan, pihak sekolah dan kehendak masyarakat .

Masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa latihan praktikum

Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengkaji masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih semasa menjalani praktikum di sekolah. Salah satu masalah yang dihadapi oleh guru pelatih ialah bilangan waktu mengajar dan masa yang banyak digunakan oleh mereka untuk menggantikan kelas-kelas yang ketiadaan guru di sekolah tersebut. Di beberapa buah sekolah di Pulau Pinang, guru-guru pelatih diberikan sehingga empat kelas ganti oleh pihak sekolah pada hari guru pelatih berkenaan mempunyai kelas biasa untuk mengajar (Abd.Rashid & Zurida Ismail, 2001).

Kajian dalam negeri yang mengkaji masalah guru-guru pelatih oleh Salhah Abdulah, Ruzlan Md. Ali, Razmi Abdul Majid, Rohana Mahadzir dan Salmah Ishak (1998) menunjukkan guru pelatih kurang menguasai kemahiran pedagogi semasa menjalani latihan praktikum. Guru-guru pelatih kebanyakannya tidak mahir dalam

mengendalikan kelas dan mendisiplinkan pelajar. Guru pelatih dikatakan tidak faham terhadap kehendak dan kandungan Falsafah Pendidikan Negara dan kurikulum sesuatu mata pelajaran yang mereka ajarkan.

Penempatan guru-guru pelatih semasa praktikum juga boleh menimbulkan pelbagai masalah kepada guru-guru pelatih (Zakaria,1997). Penempatan ini meliputi suasana persekitaran dan masyarakat sekolah. Kegagalan guru pelatih mengeksploitasi sepenuhnya persekitaran sekolah termasuk pengurusan sekolah yang sempurna sudah tentu menimbulkan masalah kepada guru pelatih untuk mengajar dengan berkesan.

Guru-guru pelatih dan kakitangan sekolah juga boleh mempengaruhi sikap dan perlakuan guru-guru pelatih dari segi penggunaan masa dalam melaksanakan tugas yang menarik dan berkualiti. Terdapat sebahagian daripada guru-guru pelatih yang beranggapan diri mereka bukan sebagai salah seorang daripada ahli masyarakat sekolah yang mereka bertugas (Rozali Abon,1999). Masalah ini wujud kerana guru-guru pelatih tidak mempunyai tempat mereka sendiri di bilik guru dan mungkin menumpang meja guru-guru lain. Perkara ini menyebabkan guru pelatih merasa rendah diri dan terasing dari guru-guru lain.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Bernbaum, Patrick & Reid (1995) menunjukkan persepsi guru pelatih terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka semasa menjalani praktikum di sekolah adalah seperti yang berikut :

- a) kedudukan sekolah yang jauh dari rumah
- b) pelatih menghadapi masalah berkomunikasi dengan staf sekolah
- c) mengawal kelas atau pelajar yang bermasalah

Kajian yang dijalankan oleh Ng Chiew Mei, Ishak Osman, Tan Hui Leng, Jaganathan dan Zamri Bahar (1998), meninjau masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani praktikum peringkat 1 di sekolah. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru pelatihambilan Jun 1998 yang mengikuti kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Masalah-masalah yang dikaji merangkumi aspek-aspek berikut :

- a) penyesuaian diri di sekolah
- b) perancangan pengalaman pembelajaran
- c) pelaksanaan pengajaran pembelajaran
- d) pelaksanaan aktiviti kokurikulum

Dapatan dari kajian tersebut mendapati guru-guru pelatih menghadapi masalah dari segi penyesuaian diri di sekolah semasa praktikum. Permasalahan ini merangkumi aspek menyesuaikan diri dengan pentadbir sekolah, menjalinkan kerjasama dengan guru-guru lain, menyesuaikan diri dengan guru pembimbing dan menyesuaikan diri dengan budaya sekolah.

Masalah-masalah lain yang dihadapi oleh guru pelatih dalam perancangan pengalaman pembelajaran semasa praktikum mengikut susunan berikut :

- 1) mengaplikasikan unsur-unsur Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dalam perancangan pengajaran pembelajaran,
- 2) memilih dan memeringkatkan susunan isi pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid,
- 3) menulis objektif pengajaran pembelajaran dengan tepat,
- 4) menyediakan pelbagai aktiviti yang sesuai dengan keperluan para murid,
- 5) menggunakan pusat sumber sekolah sebagai sumber pengajaran pembelajaran.

Lima masalah utama yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum dalam aspek pelaksanaan pengajaran pembelajaran mengikut urutan ialah menjalankan aktiviti pemulihan, menjalankan aktiviti pengayaan, mengembangkan pengajaran mengikut kadar yang sesuai, mengamalkan penyerapan dan penggabungjalinan dalam proses pengajaran pembelajaran, dan melaksanakan pengajaran berkumpulan.

Dari segi pelaksanaan aktiviti kokurikulum, susunan mengikut urutan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih adalah merancang kegiatan kokurikulum, menilai prestasi murid dalam kegiatan kokurikulum, dan menjalankan kegiatan kokurikulum dalam bilik darjah.

Persepsi guru pelatih terhadap guru pembimbing

Guru pelatih sering mengalami tekanan dan pengasingan semasa menjalankan praktikum di sekolah. Masalah lain yang dihadapi oleh guru pelatih adalah kurang keyakinan, kebimbangan, kekecewaan dan kesukaran untuk bekerjasama dengan guru yang dilantik untuk membimbing mereka. Guru pelatih berpendapat bahawa mereka memerlukan sokongan, nasihat, galakan dan kritikan yang membina daripada guru pembimbing. Perhubungan yang mesra dan erat akan membantu guru pelatih menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah serta memenuhi keperluan keselamatan semasa menjalani praktikum di sekolah (Deas, Harrison, Henderson, Knutton, Roberts & Trafford, 1996).

Haberman & Harris (1998) berpendapat bahawa guru pelatih belajar dan menerima banyak bantuan daripada guru pembimbing. Kajian yang dibuat oleh Huffan & Lesk (1996) juga menunjukkan bahawa guru pembimbing memainkan beberapa peranan seperti bimbingan, nasihat, memberi galakkan, usaha sama dan memberi cadangan untuk meningkatkan mutu pengajaran pelatih.

Kajian yang dilakukan oleh Jeswant Kaur dan Tan Hui Leng (1997) menunjukkan bahawa guru pelatih kurang berpuas hati dengan kualiti pencerapan yang diterima semasa menjalani praktikum. Aishah Sahul Hamid (1996) mengkaji masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum dan dapatan kajian menunjukkan bahawa;

- i. Seramai 20% guru-guru pelatih menyatakan bahawa guru pembimbing tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk pencerapan.
- ii. 20.6% guru pelatih berpendapat bahawa guru pembimbing enggan membenarkan guru pelatih memerhati pengajaran mereka.

Kajian yang dibuat oleh Hodgkinson (1997) menunjukkan bahawa perbincangan antara guru pelatih dengan guru pembimbing hanya dijalankan sekiranya guru pelatih menghadapi sesuatu masalah yang serius. Dapatan ini disokong oleh Williams (1998) yang mengatakan maklum balas kepada guru pelatih tidak akan diberi apabila didapati bahawa prestasi guru pelatih adalah memuaskan.

Rumusan

Latihan keguruan masa kini lebih bercorak latihan berasaskan sekolah. Praktikum ini melibatkan usahasama antara maktab dan sekolah. Untuk mencapai tujuan ini, setiap guru pelatih dibimbing oleh seorang guru pembimbing yang berpengalaman. Guru-guru pelatih ini memerlukan bimbingan, bantuan, sokongan dan maklum balas daripada guru pembimbing untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Di sebaliknya, guru pelatih juga mendapati kualiti pencerapan yang diterima daripada guru pembimbing adalah kurang memuaskan. Pencerapan yang diberi oleh guru pembimbing adalah dipengaruhi oleh latihan, sokongan yang diterima dan sikap mereka. Corak penyeliaan yang berbeza dan sikap yang berlainan akan

mempengaruhi pengalaman seseorang guru pelatih semasa menjalani praktikum di sekolah.

Untuk mengatasi masalah ini, amalan refleksi dan penilaian sendiri oleh guru pelatih adalah penting dan perlu diamalkan. Kejayaan sesuatu praktikum itu juga boleh dicapai jika setiap orang guru pelatih dapat menggunakan peluang dan mencuba idea-idea baru serta berusaha mengatasi kelemahan yang telah dikenalpasti oleh mereka.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau masalah praktikum dikalangan guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) ambilan Januari 2002 di Institut Perguruan Darulaman, Jitra, Kedah. Bab ini akan membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti pengenalan, reka bentuk kajian, kaedah kajian, instrumen kajian, tempat kajian, responden kajian, pengumpulan dan penganalisan data serta rumusan.

Reka bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menggunakan metodologi kajian kes yang berasaskan pendekatan kualitatif. Wan Zah Wan Ali (2000) dan Abd Rashid & Zuraidah Ismail (2001) telah mengesyorkan kajian kualitatif digunakan untuk mengenal pasti sejauh mana guru pelatih terlibat dalam pemikiran reflektif dan pengajaran reflektif. Oleh kerana kajian ini adalah bertujuan untuk mencari masalah sebenar yang sedang dihadapi oleh guru-guru pelatih yang sedang menjalani praktikum di sekolah, maka pengkaji telah memilih pendekatan kualitatif untuk membuat kajian ini. Ini selaras dengan pendapat Patton (1990) yang mengatakan kaedah kualitatif membenarkan pengkaji mengkaji isu atau permasalahan yang dipilih

untuk kajian itu secara mendalam dan terperinci, agar isu yang dikaji ini dapat mengekalkan ciri-ciri keasliannya secara holistik dan bermakna.

Kajian kes seperti ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menyelami masalah-masalah guru-guru pelatih secara kes demi kes dan untuk melihat pengalaman tersebut secara individu tanpa bergantung kepada dapatan atau generalisasi umum yang pernah dibuat sebelum ini. Sebagaimana Goodman (1985) dalam Wan Zah Wan Ali (2000) menyatakan bahawa;

We need to go beyond stated principles and ideologies and explore the empirical reality of profesional preparation as it unfolds over time. Developing quality teacher preparation programs requires more than just a conceptual framework. We must see how our assumptions and intentions are manifested in practice.

(Goodman dipetik dalam Wan Zah Wan Ali, 2000, p.47)

Penyelidik akan membuat kajian penyelidikan ini secara kualitatif dengan memberi tumpuan kepada pengumpulan data dalam situasi sebenar berdasarkan kepada pemerhatian dan temu bual serta mengkaji nota-nota dan catatan guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat.terhadap permasalahan yang berlaku ketika mereka menjalani latihan praktikum di sekolah. Pemilihan kaedah kualitatif ini dibuat oleh pengkaji kerana permasalahan yang dialami oleh guru-guru pelatih KPLI semasa praktikum perlu diuraikan mengikut keadaan yang dilihat pada masa itu untuk mendapat gambaran sebenar dan mencari jawapan terhadap wujudnya permasalahan

mereka dan bagaimana untuk mengatasinya. Melalui kaedah kualitatif juga, pengkaji percaya bahawa tingkah laku manusia banyak dipengaruhi oleh persekitaran mereka.

Kajian kualitatif yang dilaksanakan ini memerlukan responden yang kecil, dan pengkaji akan dapat menjalin hubungan rapat dengan responden bagi memahami sedalam mungkin situasi yang dialami oleh guru-guru pelatih KPLI ini. Strategi ini boleh dilaksanakan melalui pemerhatian, temu bual formal dan juga pengumpulan dokumen yang berkaitan dengan latihan mengajar.

Kaedah Kajian

Pemerhatian

Bentuk pemerhatian yang dijalankan adalah melibatkan pengkaji sendiri berada di lapangan sepenuhnya untuk memerhati responden mengajar di dalam bilik darjah. Kajian ini memfokuskan kepada masalah pengurusan bilik darjah yang melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan borang yang telah disediakan oleh pengkaji, satu pemerhatian yang melibatkan penelitian terhadap perancangan guru pelatih untuk mengajar, penulisan rancangan mengajar, aktiviti semasa mengajar dan juga aktiviti penutup dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan mendapat *firsthand experience* daripada responden dan merekodkan maklumat tersebut dalam borang yang disediakan itu. Pengalaman pengkaji sebagai pensyarah pembimbing praktikum selama lima tahun banyak membantu pengkaji memerhati dan merekodkan hal-hal yang berkaitan dengan kemahiran penyeliaan ini.

Temu bual

Temu bual merupakan satu kaedah yang melengkapkan kaedah pemerhatian. Kaedah ini membantu penyelidik untuk membuat tafsiran terhadap perkara-perkara yang tidak dapat dilihat atau dijelaskan dalam pemerhatian. Soalan-soalan yang telah dibentuk oleh Mohd Subandri Gani (1998) dan Noriati Abd Rashid (1998) telah diubahsuai oleh pengkaji untuk memenuhi keperluan kajian ini. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka iaitu seorang dengan seorang. Semasa proses membuat transkrip atau menterjemahkan temu bual tersebut, pengkaji akan menghubungi responden tersebut melalui telefon dan e-mail untuk mengesahkan beberapa istilah yang pengkaji tidak faham. Semasa sesi temu bual dijalankan, pengkaji dapat mengawal beberapa dialog yang terkeluar daripada soalan yang dikemukakan serta berpeluang untuk bertanya kepada responden beberapa perkara yang tidak dapat dijelaskan semasa proses pemerhatian dijalankan sebelum ini.

Dokumen

Dokumen-dokumen yang dilihat oleh pengkaji adalah terdiri daripada nota lapangan daripada pemerhatian, jurnal guru pelatih, buku rekod mengajar, pemetaan konsep yang digubal oleh guru pelatih sendiri, adalah merupakan sumber data yang menyokong himpunan data temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Institut Perguruan Darulaman, Jitra, Kedah Darulaman. Kampus ini pada asalnya adalah kampus sementara Universiti Utara Malaysia. Luas kawasan 50 ekar dan terletak di Bandar Darulaman, Jitra. Kawasan kampus yang luas ini dikongsi bersama dengan Institut Aminudin Baki (IAB) Cawangan Utara. Jumlah peserta kursus yang mengikuti pelbagai bidang kursus di IPDA pada setiap semester ialah 1200 orang. Bilangan pensyarah ialah 130 orang dari pelbagai bidang pengajian terlibat untuk mengajar di bilik-bilik kuliah. 53 orang kakitangan bukan akademik bertugas dalam urusan pentadbiran di institut ini. Pelbagai kursus ditawarkan untuk golongan pendidik pada setiap semester. Antaranya adalah seperti berikut;

i. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM).

Kursus ini ditawarkan selama enam semester (tiga tahun) pengajian kepada calon-calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan lulusan Sijil Politeknik. Kursus-kursus yang ditawarkan ialah Kursus Pengajian Inggeris dan Pendidikan Seni, Pengajian Agama dan Kajian Tempatan, Matematik dan Pengajian Agama, Pengajian Sains dan Kemahiran Hidup, Matematik dan Kemahiran Hidup, Matematik dan Pendidikan Khas, Pengajian Cina dan Matematik, Pengajian Cina dan Sains, Pengajian Cina dan Kemahiran Hidup dan Pengajian Matematik dan Moral. Bidang kursus untuk kumpulan KDPM ini sentiasa berubah mengikut keperluan tenaga perguruan di seluruh negara. Guru-guru pelatih KDPM akan didedahkan dengan tiga kali latihan praktikum iaitu Rancangan Orientasi

Sekolah (ROS) selama dua minggu pada semester 2, latihan praktikum Fasa I selama dua bulan pada semester 4 dan latihan praktikum Fasa II selama enam bulan ketika guru pelatih berada pada semester enam. Selepas lulus peperiksaan dan latihan praktikum guru-guru pelatih ini akan dianugerahkan Diploma Perguruan Malaysia dan dihantar bertugas di sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia.

ii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI).

Kursus ini ditawarkan selama satu tahun pengajian atau dua semester. Calon-calon yang terpilih terdiri daripada lulusan ijazah pertama dalam bidang masing-masing. Bidang-bidang kursus yang terdapat di IPDA ialah kursus Sains dan Matematik, Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Pengajian Agama, Pengajian Sains, Pengajian Fizik, Pengajian Al-Quran dan Taranum, Pengajian Bahasa Arab dan Pengajian Pengajian Inggeris. Bilangan guru pelatih dan jenis-jenis kursus juga berubah pada setiap tahun mengikut keperluan yang terdapat di sekolah. Pada semester Jun 2002, seramai 120 orang guru pelatih KPLI sedang mengikuti kursus-kursus tersebut di IPDA. Sepanjang tempoh berkursus di IPDA, guru-guru pelatih KPLI akan diajarkan di bilik kuliah dengan teori-teori pengajaran dan amalan pedagogi selama 7 bulan. Latihan praktikum dan pendedahan sekolah diadakan selama 2 minggu pada semester pertama dan 10 minggu pada semester kedua.

iii. Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK).

Kursus ini ditawarkan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan perguruan. Tempoh pengajian kursus ini selama satu tahun dengan jangkamasa praktikum selama satu bulan. Bidang-bidang

kursus yang ditawarkan di IPDA ialah Teknologi Maklumat, Pemulihan, Bimbingan dan Kaunseling, Media dalam Pendidikan dan Sains Perpustakaan.

iv. Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu (KDP 14M).

Kursus Dalam Perkhidmatan ditawarkan kepada guru-guru yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan perguruan. Kursus ini mengambil masa selama 14 minggu sahaja, dan 2 minggu latihan praktikum perlu dilakukan oleh peserta kursus KDP 14M. Bidang kursus yang ditawarkan ialah Pengajian Komputer, Sekolah Bestari, Media Dalam Pengajaran, Pengurusan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran, Pengurusan Pusat Sumber Sekolah, Pendidikan Jasmani, Bimbingan Kaunseling dan Kursus Pemulihan untuk kanak-kanak cacat pendengaran. Peserta-peserta kursus KSPK ini terdiri daripada guru-guru di sekolah rendah dan sekolah menengah yang berminat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kaedah pengajaran terkini di maktab perguruan.

v. Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG)

Kursus ini merupakan satu program pensiswazahan untuk guru-guru yang telah mendapat tempat belajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim. Mereka akan belajar selama satu tahun di IPDA dan tahun seterusnya di Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bilangan pelajar yang terlibat hanya 120 orang dari UPSI dan 40 orang dari UUM. Bidang pengajian yang terlibat dengan PKPG ialah Pengajian Bahasa Inggeris, Pengajian Teknologi Maklumat, Pengajian Multimedia, Pengajian

Sains Sukan, Pengajian Sains dan Matematik dan Pengajian Sains Komputer .Kumpulan ini tidak terlibat dalam latihan praktikum.

vi. Kursus Dalam Cuti (KDC)

Kursus Dalam Cuti ini hanya dilaksanakan mengikut keperluan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Bahagian Pendidikan Guru. Pada masa sekarang, kursus dalam cuti diadakan untuk guru-guru sementara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, guru-guru dari Maktab Rendah Sains MARA dan juga guru-guru dari sekolah agama rakyat. Kursus ini berlangsung selama tiga tahun atau enam semester dengan tumpuan kepada kursus ilmu pendidikan dan amalan pedagogi bilik darjah.

vii. Kursus-kursus jangka pendek.

Kursus-kursus ini dianjurkan bersama antara IPDA, Jemaah Nazir Pesekutuan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis. Kursus-kursus ini dijalankan di hujung minggu dan juga pada hari-hari persekolahan untuk guru-guru yang telah disahkan dalam jawatan. Jangkamasa kursus ialah satu hari, tiga hari dan juga enam minggu. Kursus-kursus seperti ini melibatkan program tertentu yang lebih menjurus kepada Latihan Dalam Perkhidmatan. Bidang kursus yang sering mendapat sambutan dari guru-guru di sekolah ialah kursus komputer, matematik, bimbingan dan kaunseling, latihan sekolah bestari, pra sekolah, pengurusan pusat sumber dan ilmu pendidikan.

Responden Kajian

Berdasarkan kepada kajian ini, penyelidik memilih guru-guru pelatih KPLI dari Institut Perguruan Darulaman, di Jitra, Kedah sebagai tempat kajian kerana pengkaji sendiri bertugas sebagai pensyarah teknologi maklumat di IPDA. Guru-guru pelatih yang dipilih, sedang menjalani latihan praktikum di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Kubang Pasu, daerah Kota Star dan daerah Padang Terap Pendang. Pengkaji memilih responden berdasarkan kepada lokasi sekolah iaitu luar bandar, pinggir bandar dan dalam bandar. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana pengkaji ingin melihat perbezaan lokasi dan kaitannya dengan permasalahan yang dialami oleh guru-guru pelatih.

Berdasarkan kepada pengalaman pengkaji, terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih KPLI semasa menjalani latihan praktikum di sekolah-sekolah. Beberapa masalah yang dikenal pasti melalui pengalaman pengkaji ialah masalah pengurusan pengajaran dan pembelajaran, masalah sahsiah diri, komunikasi sosial, beban tugas yang banyak, kemudahan sekolah yang terhad, kualiti murid dan kekerapan bimbingan oleh pensyarah pembimbing. Oleh itu kajian ini sangat perlu dijalankan untuk mengetahui punca wujudnya permasalahan tersebut supaya satu bentuk penyelesaian dapat dilakukan oleh Jawatankuasa Praktikum di IPDA khasnya dan Bahagian Pendidikan Guru amnya.

Dalam kajian kualitatif ini, pengkaji memilih enam orang responden (rujuk Jadual 1) yang terdiri dari kursus KPLI Teknologi Maklumat. Pemilihan responden ini berdasarkan kepada lokasi sekolah tempat mereka menjalani latihan mengajar iaitu luar bandar, pinggir bandar dan di dalam bandar.

Pemilihan responden di kalangan pensyarah pembimbing dilakukan berdasar kepada pengalaman pensyarah yang mengajar peserta-peserta kursus KPLI Teknologi Maklumat selama lima tahun di IPDA dan telah menjadi penyelia praktikum lebih dari 3 tahun (Jadual 2). Pengalaman pensyarah pembimbing sangat penting untuk membantu guru-guru pelatih menjadi lebih berkemampuan apabila mengajar sebagai guru terlatih di sekolah nanti.

Jadual 1: Profil Guru Pelatih

BIL	GURU PELATIH	JANTINA	UMUR	KURSUS PENGKHUSUSAN
1	Aminah	P	25 tahun	KPLI Teknologi Maklumat
2	Ali	L	26 tahun	KPLI Teknologi Maklumat
3	Bibah	P	24 tahun	KPLI Teknologi Maklumat
4	Bedah	P	24 tahun	KPLI Teknologi Maklumat
5	Esah	P	24 tahun	KPLI Teknologi Maklumat
6	Zainab	P	27 tahun	KPLI Teknologi Maklumat

Jadual 2: Profil Pensyarah Pembimbing

Bil	Pensyarah Pembimbing	Jantina	Umur	Pengalaman
1	En. Ayob	L	46 tahun	AJK Praktikum IPDA
2	En. Bakar	L	41 tahun	Ketua Jabatan
3	En. Dolah	L	45 tahun	Pen. Ketua Jabatan
4	En. Mamat	L	46 tahun	Pensyarah pembimbing

Pengkaji tidak mengenali responden guru-guru pelatih yang dipilih supaya tidak wujud unsur-unsur bias. Menurut Patton (1990), tidak ada satu peraturan bagi menentukan saiz responden dalam penyelidikan inkuiri atau kualitatif. Walau bagaimanapun pertimbangan harus berdasarkan kepada jenis-jenis maklumat yang ingin diperolehi dan maklumat tersebut menggambarkan kepelbagaian yang diperlukan dalam kajian.

Instrumen Kajian

Dalam kajian kualitatif ini, pengkaji sendiri merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dan membuat analisis. Kajian ini akan dijalankan selama 4 minggu sepanjang tempoh praktikum guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat yang sedang berkursus di Institut Perguruan Darulaman.

Data utama dipungut melalui temuduga berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur (Madziniyah, 1995). Biasanya protokol soalan-soalan temuduga

akan disediakan sebelum penyelidik membuat lawatan. Nota lapangan daripada pemerhatian, jurnal guru pelatih, buku rekod mengajar, pemetaan konsep yang digubal oleh guru pelatih sendiri, rakaman video merupakan sumber data yang menyokong himpunan data temuduga (Madziniyah, 1995).

Satu set soalan telah dibina dan diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan kepada soalan-soalan yang telah dibentuk oleh Mohd Subandri Gani (1998) dan Noriati Abd Rashid (1998). Temu bual berstruktur dengan guru pelatih diadakan berdasarkan kepada beberapa aspek yang telah dikenal pasti seperti soalan-soalan berikut;

- i. Apakah persepsi anda terhadap proses praktikum secara keseluruhan?

Soalan ini dikemukakan kerana pengkaji ingin memastikan bahawa responden dapat memahami proses praktikum secara keseluruhannya .

- ii. Bagaimana anda memastikan objektif pengajaran tercapai setelah tamat proses pengajaran dan pembelajaran ?

Soalan ini bertujuan untuk membolehkan guru-guru pelatih mengukur pencapaian pengajaran mereka berdasarkan kepada objektif pengajaran yang telah mereka tetapkan.

- iii. Adakah anda menyediakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar ?

Soalan ini dikemukakan kepada responden kerana terdapat guru-guru pelatih yang menggunakan satu aktiviti sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara aktiviti yang sepatutnya boleh dilaksanakan ialah nyanyian, kuiz, permainan, simulasi dan sebagainya.

- iv. Apakah kaedah yang digunakan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru pelatih di bilik darjah?

Soalan ini dikemukakan kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh mana kaedah dan teori-teori pembelajaran yang diajarkan kepada mereka di bilik-bilik kuliah dapat dipraktikkan di dalam kelas semasa praktikum.

- v. Bagaimanakah anda menangani masalah disiplin pelajar-pelajar semasa pengajaran sedang dilakukan?

Soalan ini dikemukakan untuk melihat kewibawaan guru pelatih menghadapi pelbagai ragam disiplin pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran sedang dilaksanakan di dalam kelas.

- vi. Apakah persepsi anda terhadap penyeliaan dan pencerapan yang dilakukan oleh pensyarah pembimbing?

Soalan ini dikemukakan kepada responden untuk melihat kekuatan dan kelemahan penyeliaan pensyarah pembimbing sepanjang program praktikum dilaksanakan.

Soalan-soalan temu bual juga dilakukan terhadap pensyarah pembimbing untuk mendapat maklum balas terhadap penyeliaan mereka sepanjang tempoh kajian dijalankan. Dalam kajian ini lima soalan dikemukakan kepada pensyarah pembimbing dan dinyatakan juga rasional terhadap soalan-soalan tersebut.

- i. Apakah masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru pelatih dalam menyediakan objektif pengajaran?

Soalan ini dikemukakan untuk mendapat maklum balas dari pensyarah pembimbing terhadap penyeliaan mereka.

- ii. Adakah guru pelatih bersedia untuk menjalani latihan praktikum?

Soalan ini dikemukakan kepada pensyarah kerana semasa pemerhatian dibuat terdapat guru-guru pelatih KPLI yang tidak yakin, gementar dan bimbang berhadapan dengan para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

- iii. Adakah guru pelatih mempunyai minat dan motivasi yang tinggi semasa menjalani latihan mengajar?

Soalan ini dikemukakan kerana pengkaji ingin mengetahui minat guru pelatih terhadap kerjaya perguruan yang mereka ceburi.

- iv. Apakah masalah utama yang dihadapi oleh pensyarah pembimbing dalam penyeliaan praktikum?

Soalan ini dikemukakan untuk mengetahui permasalahan utama yang sering dialami oleh pensyarah pembimbing semasa menyelia praktikum.

- v. Adakah kaedah yang digunakan oleh guru pelatih semasa praktikum menepati teori-teori dan perkaedahan yang mereka pelajari di maktab perguruan?

Soalan ini dikemukakan adalah untuk mengetahui keberkesanan teori-teori yang diajarkan kepada guru-guru pelatih dan dipraktikkan semasa latihan praktikum.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah diadakan oleh pengkaji di Sekolah Menengah Hosba, Jitra, Kedah Darulaman. Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk menentukan kesahan soalan-soalan dan kelancaran pemerhatian yang dibuat terhadap masalah guru-guru pelatih KPLI semasa praktikum Fasa II. Satu sesi temu bual juga telah diadakan dengan responden kajian yang dipilih bukan dari kajian sebenar untuk mencapai persefahaman dan fokus pemikiran responden terhadap permasalahannya. Kesahan soalan-soalan yang dikemukakan ini telah disemak oleh pensyarah pembimbing dan juga pensyarah-pensyarah dalam Jawatankuasa Praktikum di IPDA untuk mendapat maklum balas dan pandangan mereka.

Dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpercayaan yang tinggi, kajian ini akan menggunakan pendekatan triangulasi terhadap data yang diperolehi. Menurut Gay (1996) triangulasi akan memperkukuhkan lagi dapatan kajian dengan cara menguatkan reka bentuk kajian tersebut. Data yang diperolehi akan diperkukuhkan lagi dengan temu bual pensyarah penyelia praktikum, menganalisis dokumen-dokumen seperti buku persediaan mengajar, Borang Pemerhatian (Lampiran 2) ,

Borang Penyeliaan Praktikum (Lampiran 3), dan Catatan Rancangan Mengajar Harian dari responden yang dipilih

Hasil-hasil dapatan kajian ini seterusnya akan dianalisis secara induktif. Proses analisis induktif ini membolehkan pengkaji membuat inferens secara teliti tentang apa yang signifikan dan bermakna dalam sesuatu data (Patton, 1990). Pandangan Patton ini diperkukuhkan lagi oleh Kemps (1992) yang menyatakan bahawa kajian kes merupakan cubaan untuk menangkap dan menceritakan pengalaman manusia pada peringkat yang sebenarnya. Pendekatan ini juga boleh dikatakan sebagai pendekatan inkuiri.

Mengumpul Data

Pengkaji akan membuat temu bual dengan responden yang dijalankan pada waktu yang berbeza. Temu bual akan dijalankan secara seorang dengan seorang dan dirakamkan selepas mendapat keizinan daripada responden. Rakaman temu bual ini ditranskripikan dalam bentuk penulisan. Tujuan temu bual adalah untuk mencapai persefahaman tentang fokus pemikiran responden yang melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran mereka seperti catatan dalam buku rekod mengajar. Soalan-soalan yang akan dikemukakan kepada responden adalah berdasarkan soalan-soalan temu bual yang berstruktur.

Data yang diperolehi akan diperkukuhkan lagi dengan menemu bual pensyarah pembimbing, meneliti refleksi guru pelatih dan juga melalui pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sumber-sumber lain ialah nota lapangan, jurnal guru pelatih, buku rekod mengajar, borang penilaian praktikum dan

pemetaan konsep guru pelatih juga akan diteliti oleh pengkaji untuk menyokong pola-pola yang dikenal pasti. Proses triangulasi akan digunakan oleh pengkaji untuk memperkukuhkan lagi dapatan kajian yang berkaitan dengan masalah praktikum oleh guru-guru pelatih.

Kajian Marohaini Yusoff (2001) menyatakan bahawa terdapat beberapa teknik pengumpulan data boleh digunakan untuk menghasilkan beberapa banyak data deskriptif yang mungkin bagi mendapatkan gambaran yang holistik tentang permasalahan praktikum guru-guru pelatih yang dipilih. Untuk tujuan tersebut, tiga teknik utama yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif, iaitu: (a) pemerhatian, (b) temu bual, dan (c) bukti dokumen (Marohani, 2001; Rozali Abon, 1999) digunakan pada sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Kelebihan dan rasional penggunaan pelbagai teknik pengutipan data seperti ini telah banyak dibincangkan dalam kajian lain (Mohd Subandri Gani, 1998; Razali Abon, 1999; Marohaini Yusoff, 2001). Satu kelebihan yang ketara adalah penggunaan pelbagai teknik pengutipan data yang memberi *triangulation*. Di samping itu untuk memastikan pengkaji tidak hanya bergantung pada satu teknik, hal ini akan dapat memperkukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan. Ini bermaksud penggunaan teknik tersebut tidak berlaku secara linear tetapi secara rekursif, iaitu bertindanan antara satu teknik dan satu teknik yang lain.

Sepanjang tempoh kajian ini, pengkaji membuat lawatan ke sekolah-sekolah terlibat sebanyak empat kali. Bagi lawatan pertama, pengkaji membuat satu ikatan

persetujuan dengan responden yang dipilih untuk menjalankan kajian terhadap diri mereka.

Lawatan yang kedua melibatkan pemerhatian dalam kelas yang dikendalikan oleh responden yang dipilih. Secara lazimnya, dalam sesuatu pemerhatian ini, pengkaji akan melihat-lihat, mendengar dan memerhati serta bertanyakan hal-hal mudah kepada orang-orang yang berada dalam konteks persekitaran tersebut. Penulisan ringkasan pemerhatian ini ditulis dalam satu helai kertas sahaja untuk memudahkan tujuan penyimpanan dan mendapatkan balik bahan tersebut apabila diperlukan. Contoh ringkasan pemerhatian akan dilampirkan pada bahagian lampiran.

Lawatan ketiga yang dilakukan oleh pengkaji ialah mengadakan sesi temu bual dengan responden yang dipilih. Penggunaan teknik ini adalah satu cara yang lazim digunakan untuk mengutip data deskriptif dan teknik temu bual ini sama penting dengan teknik pemerhatian (Marohaini Yussof, 2001). Temu bual yang dijalankan ini dirakamkan dalam pita kaset dan semasa sesi temu bual juga pengkaji akan menulis catatan ringkas tentang perlakuan, ekspresi muka dan pergerakan tangan supaya pengkaji dapat mencungkil dengan lebih lanjut sesuatu isu atau topik yang dicakapkan. Rakaman temu bual dari kaset akan diterjemahkan dalam bentuk tulisan. Jika terdapat kekaburan idea atau istilah tertentu, pengkaji akan menghubungi responden dengan telefon ataupun dengan e mail untuk mendapat gambaran yang sebenar. Transkripsi yang dituliskan ini akan disemak semula oleh responden dan diperbetulkan jika terdapat kesalahan fakta. Data yang ditulis ini akan dikelompokkan

berdasarkan kepada tema-tema tertentu, dibuat perbandingan dan diperkukuhkan lagi dengan data daripada bukti dokumen yang lain.

Lawatan keempat yang pengkaji lakukan untuk ke sekolah ialah untuk memperbetulkan transkripsi yang diterjemahkan dari temu bual yang dirakamkan melalui pita rakaman. Jika terdapat kesalahan fakta, pembetulan akan dilakukan oleh responden dan masa tiga hari diberikan kepada responden untuk mengkaji transkripsi temu bual tersebut. Dalam lawatan ini juga pengkaji akan meneliti beberapa dokumen guru pelatih seperti penulisan jurnal dan penulisan rancangan mengajar yang ditulis oleh responden. Satu salinan Rancangan Mengajar Harian diambil oleh pengkaji untuk diteliti dan dijadikan bahan dokumentasi dalam kajian ini. Maklumat yang didapati daripada bahan dokumentasi ini akan dapat membekalkan kepada pengkaji maklumat-maklumat tambahan untuk mengukuhkan dapatan yang pengkaji selain daripada temu bual dan pemerhatian.

Analisis Data Kualitatif

Terdapat beberapa kaedah dalam penyelidikan kualitatif yang boleh digunakan oleh seseorang pengkaji untuk menganalisa data yang didapati dari pelbagai sumber. Tesch (1990) menyatakan tidak ada satu cara yang benar-benar betul dalam menganalisis data. Patton (1990) menyatakan terdapat kecenderungan untuk seseorang pengkaji akan mengumpul terlalu banyak maklumat dalam kajiannya kerana tidak betul kaedah menganalisis data. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kaedah analisis kandungan (content analysis) untuk menganalisis data.

Analisis kandungan merupakan kaedah yang digunakan untuk menentukan kehadiran sesuatu perkataan atau konsep dalam teks. Pengkaji menganalisis kehadiran makna yang berkaitan dengan hubungan perkataan dan konsep-konsep berdasarkan kepada tema yang telah dikategorikan mengikut persoalan kajian. Berdasarkan kepada kaedah analisis kandungan (content analysis) ini pengkaji mengikut kaedah yang dicadangkan oleh Tesh (1990) untuk menganalisis data dalam kajian ini. Langkah yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah;

- i. Pengkaji mendapatkan semua maklumat secara umum melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen yang berkaitan.
- ii. Pengkaji menterjemahkan dalam bentuk penulisan dan membaca skrip dengan teliti untuk mendapatkan idea yang diperlukan oleh pengkaji.
- iii. Pengkaji memilih dokumen yang sesuai dengan persoalan kajian dan membaca sekali lagi untuk mendapatkan makna yang tersirat atau yang tersurat. Jika tidak jelas responden akan dihubungi secara telefon atau e- mail untuk mendapat penjelasan mereka.
- iv. Setelah selesai membaca, pengkaji akan menulis senarai tajuk dan kumpulkan tajuk yang hampir sama mengikut tema atau kumpulan yang ditentukan oleh pengkaji.
- v. Data yang dikumpulkan mengikut tema ini akan di gunakan untuk dianalisis oleh pengkaji.
- vi. Pengkaji akan membuat keputusan yang muktamad untuk setiap tema yang diberikan mengikut keutamaannya.

- vii. Pengkaji akan memilih perkataan yang paling sesuai untuk menulis laporan kajian berdasarkan kepada pendapat setiap responden yang dipilih.
- viii. Pengkaji akan mengumpul bahan-bahan yang telah ditulis itu berdasarkan tema pada setiap bahagian dan dianalisis secara *cross-case* untuk melihat pola jawapan yang dikemukakan oleh responden.

Berdasarkan kepada lapan langkah yang dijalankan ini pengkaji dapat menganalisis data dalam kajian ini secara sistematik. Pengkaji menggunakan fail, folder, kad dan perisian komputer untuk proses pengasingan maklumat. Walau bagaimanapun ada pengkaji lain yang menggunakan kaedah warna, kod mengikut kategori dalam transkrip untuk menganalisis data dalam penyelidikan kualitatif.

Rumusan

Kaedah kajian kes secara kualitatif dianggap sebagai kaedah penyelidikan pendidikan yang paling sesuai untuk mengkaji hal-hal yang bersabit dengan isu-isu pendidikan yang melibatkan proses kerana ia membantu seseorang pengkaji untuk melihat sesuatu kes itu secara mendalam. Kaedah kualitatif yang bersifat naturalistik dan interpretatif dapat menolong seseorang individu memahami masalah yang kompleks dalam konteks yang lebih luas dari segi operasinya

Dalam sebuah kajian yang dijalankan, peringkat pengutipan dan penganalisaan data merupakan peringkat penting yang akan menentukan berjaya atau

tidak sesebuah kajian yang dirancang. Hal ini menjadi lebih kritikal dalam kajian yang berbentuk kualitatif. Dalam kajian kualitatif, manusia atau pengkaji sendiri adalah merupakan instrumen utama. Justeru itu, seseorang pengkaji itu perlu melengkapkan diri dengan berbagai-bagai pengetahuan dan kemahiran untuk berinteraksi dengan orang dan persekitarannya. Ini bermakna seseorang pengkaji perlu dapat menyesuaikan diri, berkemahiran untuk mendengar, memberi perhatian, melihat dan membuat analisis dan juga berkemampuan untuk membuat keputusan, iaitu memilih, merancang, menggunakan sesuatu teknik untuk mengutip dan menganalisis data yang di temui ditempat kajian (Razali Abon, 1999).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Latar belakang Responden

Dapatan kajian ini berdasarkan kepada data kualitatif yang diambil melalui temu bual dengan responden. Dalam kajian ini, penyelidik telah membuat temu bual seramai 10 orang responden yang terdiri daripada 6 orang guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang mengikuti pengajian Teknologi Maklumat dan 4 orang pensyarah pembimbing yang terlibat dalam penyeliaan terhadap guru-guru pelatih berkenaan. Penyelidik juga menjalankan pemerhatian terhadap pengajaran 6 orang guru pelatih berkenaan di beberapa buah sekolah menengah yang telah dipilih. Di samping itu penyelidik juga mengumpul beberapa dokumen berkaitan seperti borang pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji sepanjang masa kajian. Borang penyeliaan ditulis oleh pensyarah pembimbing dan buku Rancangan Mengajar Harian guru pelatih akan membantu penyelidik dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Responden Guru Pelatih

Aminah

Aminah merupakan seorang gadis yang agak pendiam dan pemalu. Memakai tudung dengan berkaca mata agak tebal dan dia mempamerkan perwatakan seorang guru yang serius. Sifat Aminah yang pendiam ini menyebabkan dirinya kadang-kadang

berasa kurang yakin terhadap bidang perguruan yang dipilihnya. Dia sangat berminat dalam permainan ping pong dan bola jaring. Aminah merupakan responden pertama di bawah penyeliaan En. Bakar. Beliau berasal dari Sandakan, Sabah dan kini telah menetap bersama keluarganya di Bandar Baru Bangi, Selangor. Aminah yang berusia 25 tahun, belum lagi berkahwin dan tidak mempunyai pengalaman bekerja sebelum mengikuti kursus di Institut Perguruan Darulaman.. Aminah mendapat ijazah pertama dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2000. Ketika kajian ini dilakukan, Aminah sedang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah dalam bidang Teknologi Maklumat Semasa praktikum, Aminah ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, dan mengajar mata pelajaran Teknologi Maklumat untuk pelajar-pelajar tingkatan 4.

Ali

Ali berusia 26 tahun, menampilkan perwatakan sederhana, peramah dan mudah bergaul dengan orang ramai. Status Ali yang masih bujang kelihatan bergaya dengan rambut yang dipotong pendek, berkulit cerah, berbadan tegap dan ketinggian sederhana, serta mempamerkan gambaran diri seorang guru. Ali merupakan satu-satunya guru pelatih lelaki yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Dia berasal dari Pulau Pinang dan dibesarkan di Slim River, Perak. Mendapat pendidikan awal di SK Khir Johari, SMK Datuk Abd. Razak, Ipoh dan melanjutkan pelajaran diperingkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kimia dan Alam Sekitar dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2000. Ali juga mempunyai Diploma dalam

bidang Multimedia dan pernah menjadi tenaga pengajar kolej swasta di Kuala Lumpur selama satu tahun.

Di Institut Perguruan Darulaman, Ali mengikuti kursus Sains Komputer dan merupakan seorang guru pelatih yang rajin, peramah dan senang berbicara. Guru pelatih ini menjalani latihan praktikum di Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Mohamed Al Bukhary, Jln. Stadium, Alor Star. Beliau ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Sains untuk pelajar-pelajar tingkatan 2. Semasa latihan praktikum, Ali telah di seliakan oleh En.Mamat dan Pn. Milah.

Bibah

Bibah berasal dari Felda Bersia, Grik, Perak. Lulusan Ijazah Sains Komputer dari Universiti Putra Malaysia. Pernah bekerja sebagai seorang pereka bentuk animasi di Serdang, Selangor. Minat beliau yang mendalam dalam bidang perguruan dan tekanan kerja yang berat di sektor swasta menyebabkan beliau membuat keputusan untuk menceburi bidang perguruan ini. Bibah adalah seorang guru pelatih yang mudah tersenyum, lemah lembut dan disukai ramai oleh pelajar-pelajarnya. Semasa latihan praktikum ini, Bibah telah ditugaskan mengajar di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star. Pensyarah pembimbing yang terlibat untuk penyeliaannya ialah En. Ayob.

Bedah

Bedah merupakan responden kelima yang berasal dari Sungai Petani, Kedah. Beliau adalah seorang guru pelatih yang ditugaskan untuk mengajar di Kolej Sultan Abdul

Hamid, Alor Star untuk pelajar-pelajar tingkatan 2. Bedah berusia 24 tahun adalah anak sulung daripada 4 orang adik beradik, mendapat ijazah pertama dalam bidang Sains Komputer daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 2001. Sebelum menceburi bidang perguruan di IPDA, Bedah telah bekerja sebagai tenaga pengajar dengan sebuah kolej swasta yang berkaitan dengan bidang Teknologi Maklumat. Bedah sebenarnya tidak pernah bercita-cita untuk menjadi seorang guru tetapi pengalaman mengajar di kolej swasta ini, telah mendorong beliau untuk menjadi seorang pendidik. Bedah adalah seorang guru pelatih yang tegas prinsipnya dan berjaya mengawal kelas dengan baik semasa mengajar. Pensyarah yang terlibat untuk menyelia Bedah ialah En. Dolah

Esah

Esah berusia 24 tahun dan berasal dari Selandar, Melaka. Esah merupakan seorang guru pelatih yang mempunyai perwatakan yang tegas dan mudah tersenyum. Susuk tubuhnya tinggi lampai, sentiasa bergerak cergas dalam kelas bagi membantu pelajar-pelajar yang bermasalah.

Semasa menjalani latihan praktikum beliau mengajar pelajar-pelajar tingkatan 4 untuk subjek teknologi maklumat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah, Pendang, Kedah. Esah adalah lulusan Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Sains Malaysia. Sebelum mengikuti kursus perguruan di IPDA, Esah pernah mengajar di Politeknik Ungku Umar, Ipoh, Perak selama 6 bulan. Esah sentiasa berazam untuk memperbaiki kelemahan dirinya supaya dapat menjadi seorang guru

yang cemerlang pada masa akan datang. Guru pelatih ini adalah dibawah penyeliaan En. Bakar.

Zainab

Zainab merupakan seorang guru pelatih yang berusia 27 tahun dan belum berkahwin. Pernah bertugas sebagai pensyarah kolej swasta di Selangor dan juga sebagai juru analisa sistem di sebuah agensi kerajaan di negeri Perak. Zainab sangat berminat dalam permainan tenis dan pasukan pengakap. Anak bongsu dari 8 orang adik beradik ini mempunyai perwatakan yang tegas dan serius. Zainab mendapat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dari Universiti Sains Malaysia. Pengalaman bekerja yang lama menyebabkan guru pelatih ini begitu yakin bila berhadapan dengan pelajar-pelajarnya di dalam kelas.

Pensyarah Pembimbing

En. Ayob

En. Ayob adalah seorang pensyarah yang berusia 46 tahun. Mempunyai kelulusan Sarjana Pendidikan dari Universiti Seroja Malaysia merupakan seorang pensyarah yang aktif dalam pendidikan unit beruniform dan tugas-tugas di peringkat Bahagian Pendidikan Guru. Beliau bertugas di Jabatan Teknologi Maklumat dan merupakan Ahli Jawatankuasa Praktikum di Institut Perguruan Darulaman. Beliau sememangnya terlibat secara langsung dengan pemilihan sekolah dan penempatan pelajar semasa latihan praktikum. Pengalaman sebagai pensyarah di Jabatan Ilmu Pendidikan selama 4 tahun dan bertugas di Jabatan Teknologi Maklumat selama 3 tahun telah

mendedahkan beliau kepada pelbagai ragam guru pelatih semasa latihan praktikum di sekolah.

En. Bakar

En. Bakar adalah responden ke 7 dalam kajian ini. Berusia 41 tahun, mempunyai susuk badan yang gempal dan raut wajah yang sentiasa menggambarkan ketenangan sesuai dengan jawatan beliau sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Teknologi Maklumat. Beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Institut Perguruan Darulaman selama 13 tahun, merupakan antara pensyarah yang awal terlibat semasa institut ini berpindah dari Maktab Perguruan Lembah Pantai ke IPDA. Berkelulusan Sarjana Teknologi Maklumat dari Universiti Utara Malaysia. Beliau terlibat secara langsung dengan latihan praktikum khususnya untuk guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Teknologi Maklumat selama 8 tahun.

Subjek utama pengajarannya ialah pengaturcaraan, pengurusan teknologi maklumat dan reka bentuk sistem. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang Teknologi Maklumat telah membawa beliau ke beberapa tempat di luar negara untuk membentangkan kertas seminar. Beliau juga sering dijemput untuk menggubal kurikulum Teknologi Maklumat di peringkat Kursus Diploma Pendidikan dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah, Kolej Matrikulasi dan pembinaan modul latihan di Bahagian Pendidikan Guru. Ketika ditemu bual, beliau lebih menekankan kepada kualiti guru-guru yang dikeluarkan oleh IPDA pada setiap tahun. Menurut beliau, kualiti guru

pelatih boleh dilihat dengan jelas semasa pensyarah-pensyarah membuat penyeliaan ketika latihan praktikum.

En. Dolah

En. Dolah merupakan responden yang ke 9 dalam kajian ini. Seorang Timbalan Ketua Jabatan yang berusia 45 tahun dan berasal dari Baling Kedah. En. Dolah mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau telah berkhidmat selama 10 tahun di Institut Perguruan Darulaman dan mempunyai pengalaman luas dalam penyeliaan praktikum. Beliau mengajar mata pelajaran teknologi maklumat dalam *Computer Network*, Pengurusan Pusat Sumber dan Audio Visual.

En. Mamat

En. Mamat adalah seorang yang tegas, pemikir berpandangan jauh dan berfikiran terbuka. Berusia 46 tahun merupakan responden yang ke 10 dalam kajian ini. En. Mamat telah bertugas sebagai pensyarah di institut ini selama 8 tahun dan mempunyai Ijazah Sarjana Psikologi dari Universiti Putra Malaysia. Jawatan yang disandang oleh beliau sekarang ialah Setiausaha Peperiksaan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan semua jenis peperiksaan yang terdapat di institut ini. Sebelum menyandang jawatan kanan ini, beliau memang banyak terlibat dengan tugas-tugas pengajaran dan penyeliaan guru-guru pelatih di negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Beliau mempunyai jangkaan tersendiri terhadap sikap yang sepatutnya dipunyai oleh seorang guru pelatih. Menurut Mamat, latihan perguruan merupakan penyediaan awal untuk menjadi guru sebenar. Sepatutnya perlakuan dan tindakan guru pelatih semasa latihan mencerminkan keadaan sebenar apabila guru pelatih itu memulakan tugas sebenar mereka nanti. Pendapat ini dinyatakan dalam temu bual berikut;

“semasa latihan the trainees sepatutnya melazimkan diri sebelum menjadi the real teachers”

“They should have the same confidence as their lecturer pembimbing, so that in the near future when they become the real teacher they will know this situation instead of thinking masa trainee, they are behaving in a different way and then masa jadi real teacher. They will be have in another way. Apa yang dikatakan sebagai pemalsuan dari segi tindakan”.

(En. Mamat)

Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang responden yang telah diterangkan ini, pengkaji akan melaporkan dapatan kajian dari pelbagai sumber seperti temu bual, pemerhatian, penelitian dokumen pelajar dan dari catatan refleksi guru pelatih. Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut.

1. Apakah persepsi guru pelatih terhadap proses praktikum secara keseluruhan?
2. Apakah masalah yang dialami oleh guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran semasa praktikum?
3. Sejauh mana bimbingan oleh pensyarah pembimbing dapat membantu guru-guru pelatih menjalani praktikum dengan berkesan?

Untuk menjawab persoalan pertama kajian, hasil dari temu bual pengkaji dengan 6 orang responden akan dijadikan rujukan asas dalam dapatan kajian ini. Sementara itu hasil temu bual dengan pensyarah pembimbing, penelitian dokumen guru pelatih dan penyeliaan terhadap guru pelatih yang dijalankan oleh pengkaji akan diambil kira untuk tujuan triangulasi bagi memastikan kesefahaman maklumat dapat dicapai.

Persepsi guru pelatih terhadap proses praktikum secara keseluruhan

Berdasarkan temu bual penyelidik dengan responden yang terdiri daripada guru-guru pelatih, enam orang responden guru-guru pelatih bersetuju mengatakan bahawa latihan praktikum ini adalah proses pembelajaran kepada guru pelatih untuk membolehkan mereka belajar membina keyakinan diri apabila berhadapan dengan situasi sebenar di sekolah. Mereka berpendapat bahawa melalui latihan praktikum ini, guru-guru pelatih akan didedahkan dengan suasana sebenar di dalam kelas, pergaulan dengan rakan-rakan guru yang lebih berpengalaman untuk melihat permasalahan

sebenarnya yang berlaku di persekitaran sekolah. Zainab sebagai contohnya telah menyatakan bahawa,

“Latihan praktikum ni bagus kerana banyak membantu membina keyakinan kita sendiri sebenarnya. Selama ini dalam bilik kuliah benda tu sangat susah untuk dilaksanakan (ketawa kecil) tapi bila datang sekolah kita banyak belajar dengan keadaan sekolah sebenarnya.”

(Zainab)

Selain itu, terdapat pendapat lain tentang latihan praktikum ini, misalnya yang dinyatakan oleh Aminah iaitu;

“..... melatih kita apa..... untuk mengajarlah kan, supaya kita lebih terdedah kepada semua situasi sekolah, misalnya untuk mengajar supaya kita nampak permasalahan sebenar antara teori dan praktikal”.

(Aminah)

Walau bagaimanapun, Bibah menyatakan bahawa latihan praktikum ini adalah satu proses untuk memberi pendedahan sebenar kepada guru-guru pelatih berhadapan dengan pelajar-pelajar di sekolah. Ini dinyatakan dalam temu bual bersamanya seperti di bawah;

“Praktikum ni bagus sebabnya jika kita tidak biasa mengajar, kita mungkin akan rasa kekok, nak bercakap pun rasa macam tak betul, takut.... (tersenyum) takut dengan anak-anak murid pun ada juga. (ketawa kecil). Bimbang, jika tajuk yang kita ajar merupakan perkara mudah bagi mereka, bimbang juga jika tajuk-tajuk yang kita hendak ajar mereka sudah tahu nanti mereka akan bosan dengan pengajaran kita.”

(Bibah)

Dua orang guru pelatih bersetuju bahawa bukan semua teori yang telah dipelajari di bilik-bilik kuliah sesuai untuk diamalkan di sekolah. Misalnya pandangan Esah, iaitu;

“Praktikum ini bagus kerana memberi pendedahan bagaimana proses pengajaran berlaku dalam suasana sebenarnya, bukan lagi berdasarkan kepada teori-teori di maktab. Praktikum juga bertujuan memberi gambaran sebenar tentang kerendah student dan pergaulan dengan kakitangan sekolah yang lebih senior.”

(Esah)

Ali merupakan seorang responden lelaki yang bijak berhujah menyatakan bahawa latihan praktikum ini sebenarnya untuk melihat kesinambungan ilmu di bilik kuliah untuk diaplikasikan di sekolah. Namun begitu, terdapat beberapa perkara seperti teori-teori pembelajaran yang dipelajari di maktab perguruan tidak dapat

diaplikasi sepenuhnya di sekolah. Ali menyatakan dalam temu bualnya seperti berikut;

“Kebanyakan ilmu pendidikan yang saya belajar di maktab, saya dapat perhatikan ketika praktikum ini. Tetapi ada perkara lain yang saya pelajari di maktab, seperti...teori-teori psikologi... dan lain-lain teori pengajaran dan pembelajaran yang diajarkan oleh pensyarah di maktab tidak boleh diaplikasikan sepenuhnya di sini. Itu pendapat peribadi saya”

(Ali)

Dapatan dari temu bual pengkaji bersama guru pelatih turut disokong oleh dapatan yang diperolehi daripada temu bual bersama pensyarah. Kebanyakan pensyarah yang ditemu bual menyatakan, terdapat guru pelatih yang memang bersedia untuk menjalani latihan praktikum dan guru pelatih yang kurang bersedia untuk menjalani latihan praktikum ini. Misalnya, En. Ayob menyatakan pendapatnya seperti berikut;

“Guru pelatih KPLI kurang bersedia dari segi penulisan rancangan mengajar berbanding pelajar-pelajar Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Pendapat saya ini adalah berdasarkan dari segi penulisan objektif pengajaran yang tidak dapat ditulis dengan baik”.

(En. Ayob)

Pendapat En. Dolah juga turut menyatakan,

“Pada peringkat awal mereka memang kurang bersedia tetapi selepas bimbingan pensyarah, mereka dapat bersedia mengikut garis panduan yang diberikan oleh Jawatankuasa Praktikum”.

(En. Dolah)

Pendapat tersebut turut disokong oleh En. Mamat, seperti yang dinyatakan dalam temu bual bersamanya, iaitu;

“Persediaan mental memang ada dan mantap tetapi ada juga guru pelatih yang masih lagi bertanya tentang kaedah mengajar, penulisan rancangan mengajar kerana mereka belum menguasai sepenuhnya kemahiran tersebut. Situasi ini berlaku kerana pengajaran mikro yang kita laksanakan di bilik kuliah kurang berkesan dan berkisar di kalangan rakan sebaya mereka, berbanding suasana sebenar di sekolah”

(En. Mamat)

En. Bakar turut memberi pendapatnya seperti berikut;

“Guru pelatih yang kami bimbing memang telah bersedia dari segi mentalnya kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai kaedah dan teori selama 8 bulan di maktab perguruan sebelum menjalani latihan praktikum”.

(En. Bakar)

Dapatan dari pemerhatian pengkaji mendapati keseluruhan responden menunjukkan minat yang tinggi semasa menjalani latihan praktikum. Guru-guru pelatih berusaha untuk belajar dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada semasa mereka menjalani latihan praktikum. Misalnya, hanya seorang daripada 6 orang responden kurang bersedia dari segi pengetahuan dan kebolehan yang diperlukan untuk berhadapan dengan pelajar di dalam kelas. Dapatan ini dibuktikan apabila pengkaji membuat penyeliaan terhadap pengajaran yang dilakukan oleh Aminah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, Kedah. Catatan pengkaji adalah seperti berikut,

“Guru pelatih ini masih lagi tidak dapat menulis objektif pengajaran dengan jelas apa yang ingin dicapai pada akhir waktu pengajaran. Manakala isi pelajaran yang dirancang untuk pengajaran pada hari tersebut juga terlalu ringkas untuk waktu pengajaran selama 80 minit. Aminah telah memulakan kelasnya pada hari ini dengan keadaan tergesa-gesa tanpa perancangan yang rapi dari segi set induksinya. Suaranya yang perlahan dan kurang bertenaga menyebabkan komunikasi guru pelatih dengan pelajar tidak berlaku.

(Catatan Penyeliaan)

Aminah juga menyatakan hal yang sama dalam catatan refleksinya, iaitu;

Pembelajaran berjalan dengan baik tetapi saya masih tidak dapat mengawal kelas dengan baik. Pembentangan yang dirancang juga tidak dapat berjalan dengan sempurna. Ada ahli kumpulan tidak menerangkan hasil kerja kepada kelas. Mereka hanya menunjukkan hasil kerja dan tidak memberi apa-apa respon terhadap rakan-rakan. Begitu juga dengan rakan-rakan lain yang tidak bertanya mengenai sebarang kemusykilan yang telah dilakukan pada slaid persembahan pembentang.

(Catatan Aminah)

Pensyarah pembimbing juga mendapati bahawa Aminah tidak dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan. Ulasan pensyarah pembimbing antara lain menyatakan bahawa;

Guru pelatih perlu menyusun sesuatu aktiviti pengajaran supaya tidak terlalu lama berada pada setiap aktiviti yang diajarkan. Berikan lebih penekanan kepada penyusunan pelajar dalam kelas. Guru juga perlu lebih yakin dan suara perlu kuat. Aktiviti penutup tidak dilaksanakan oleh guru pelatih dan objektif pengajaran tidak tercapai.

(En. Ayob)

Masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh guru pelatih kursus Teknologi Maklumat semasa latihan praktikum.

i. Kaedah pengajaran

Walaupun semua guru pelatih di Institut Perguruan Darulaman telah didedahkan dengan pelbagai kaedah, strategi dan teknik-teknik pengajaran yang tertentu di bilik kuliah seperti yang dikehendaki oleh kurikulum, tetapi ke enam-enam responden yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui dengan tepat sebarang kaedah yang mereka gunakan kerana kurang faham, tidak ingat, tidak ada idea dan hanya mengikut situasi pelajar dalam kelas yang mereka ajar ketika itu. Dapatan ini dijelaskan oleh Aminah dengan menyatakan;

“ Saya tidak menggunakan apa-apa kaedah yang khusus cuma guna kaedah kumpulan. Saya tidak tahu kaedah yang khusus tetapi ikut suasana kelas sahaja.”

(Aminah)

Ali ketika ditemu bual oleh pengkaji juga menyatakan, bahawa dirinya tidak ingat tentang kaedah yang diajarkan oleh pensyarahnya di bilik kuliah. Keadaan seperti ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut;

“saya tidak ingat kaedah-kaedah yang diajarkan oleh pensyarah di bilik kuliah tapi guna idea pensyarah sahaja untuk aktiviti induksi set”

(Ali)

Esah yang mengajar di sebuah sekolah di luar bandar juga menyatakan,

“Ada kaedah tertentu yang saya gunakan tapi saya tidak pernah merujuk buku untuk mencari kaedah tersebut secara khusus. Misalnya ketika musim kemerdekaan saya guna kaedah nyanyian yang dilakukan dalam 2 kumpulan supaya ada persaingan.”

(Esah)

Apabila temu bual dijalankan secara telus, situasi seperti ini wujud kerana beberapa faktor tertentu seperti kelemahan guru pelatih sendiri seperti suara yang tidak kuat, intonasi suara yang bersahaja, kurang berkomunikasi dengan pelajar dan

tidak faham pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah di bilik kuliah. Bibah menyatakan seperti berikut,

“kelas IT banyak menggunakan presentation jadi saya banyak menggunakan kaedah presentation, di maktab juga pensyarah hanya menerangkan kaedah mengajar secara lisan dan tidak ada satu pun kaedah yang ditunjukkan secara simulasi. Pensyarah sepatutnya membuat satu simulasi supaya guru pelatih boleh nampak suasana sesuatu kaedah pembelajaran itu dilaksanakan. Kaedah penerangan yang digunakan ini akan menyebabkan pelajar tidur lena di dalam kelas, akhirnya kaedah yang sepatutnya dikuasai tidak berlaku.”

(Bibah)

ii. Kawalan kelas

Semua enam orang responden guru pelatih yang ditemu bual menyatakan bahawa sebenarnya ada masalah pengajaran dan pembelajaran yang mereka alami semasa mereka mengendalikan latihan praktikum di sekolah. Misalnya Aminah yang menghadapi masalah kawalan kelas telah menyatakan pendapatnya seperti berikut;

“Masalahnya yang saya hadapi ialah sukar untuk mengawal kelas walaupun pelajar tidak bising semasa saya berada di dalam kelas. Pelajar-pelajar juga melakukan aktiviti-aktiviti lain semasa guru mengajar, seperti Internet Relay Chat (IRC) di komputer, main games, dan buat tugas guru lain.”

(Aminah)

Menurut Ali pula, walaupun mengajar di tingkatan 2, dia turut menghadapi masalah kerana pelajar-pelajarnya tidak memberi tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru. Misalnya beliau berkata;

Pelajar-pelajar yang saya mengajar tahu bahawa saya dan rakan saya adalah guru pelatih, sebab itu mereka tidak menumpukan perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Mereka pernah mengatakan kepada saya seperti berikut, “cikgu hari ini Alat Bantu Mengajar (ABM) tak dak ke? Nanti pensyarah cikgu datang macam mana?”

(Ali)

iii. Sikap pelajar

Esah dan Zainab pula menghadapi masalah pelajar-pelajar tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Di samping itu, wujud masalah murid yang kurang memberi tumpuan terhadap pengajaran guru, tidak berminat untuk belajar dan sebagainya.

“....pelajar tidak membuat kerja sekolah yang saya berikan. Di sekolah ini, cikgu-cikgu senior ada menyatakan jika kita bagi kerja sekolah dan buat kerja di rumah memang mereka tidak siapkan, pelajar-pelajar seperti ini perlu cikgu tunggu. Jika guru tunggu dia orang buat, baru dia buat, even bila kita masuk kelas pun dan kita tak

suruh buat apa-apa, memang meja kosong sahaja dan dia orang tengok saja muka kita. Kita yang kena suruh”.

(Esah)

Untuk mengatasi masalah ini, beberapa tindakan dilakukan oleh guru pelatih misalnya Aminah meminta kerjasama pelajar untuk memberi tumpuan di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Di samping itu, ada tindakan lain yang dilakukan oleh Aminah seperti merampas tetikus (*mouse*) dan menutup suis komputer untuk mengatasi masalah pelajar-pelajar menyalahgunakan komputer semasa pengajarannya. Guru-guru pelatih tidak dapat menghukum pelajar-pelajar yang bermasalah dengan dendaan lebih berat kerana mereka mengetahui bidang kuasa seorang guru pelatih tidak boleh bertindak seperti guru berpengalaman terhadap pelajar bermasalah itu. Aminah menyatakan masalah disiplin beberapa orang pelajarnya seperti berikut;

“Tegur pun nanti mereka akan buat juga. Contohnya kadang-kadang mereka main games, kita close games tu, terus ambilkan mouse tu, dan selepas itu mereka buka semula games tu. Itulah masalahnya. Nak denda pun tak boleh juga, sebab hanya guru disiplin sahaja yang boleh bertindak terhadap pelajar dia orang tahu kita cikgu praktikum, sebab tu dia orang tak pandang sangat dan hormat pada kita”.

(Aminah)

Ada di kalangan guru pelatih yang mengatasi masalah ini melalui perbincangan dengan guru pembimbing kerana mereka cuba memahami kerenah pelajar-pelajar nakal dengan menyelidik latar belakang mereka. Misalnya, kata Esah seperti berikut,

“jika pelajar tidak melakukan kerja sekolah yang diberikan oleh guru pelatih, tindakan guru pelatih ialah mendapatkan maklumat dari guru pembimbing, menyelidik latar belakang pelajar dan memberi motivasi kepada pelajar yang kurang motivasi”

(Esah)

Pengkaji telah membuktikan bahawa dapatan melalui temu bual itu adalah sama melalui pemerhatian yang pengkaji lakukan terhadap enam orang responden tersebut . Pengkaji membuat pemerhatian di dalam kelas semasa pengajaran sedang dilakukan oleh guru pelatih.

Berdasarkan kepada borang penyeliaan praktikum, pengkaji telah memberi beberapa kriteria tertentu terhadap pemerhatian tersebut dan dokumen–dokumen guru pelatih. Melalui pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih iaitu;

- i. penulisan objektif pengajaran,
- ii. menyusun isi pelajaran,
- iii. merancang strategi pengajaran,

- iv. memulakan pengajaran,
- v. perkembangan pengajaran,
- vi. pengurusan bilik darjah,
- vii. komunikasi guru dengan pelajar dan
- viii. kualiti pengajaran.

i. Penulisan objektif pengajaran

Semasa pengkaji meneliti buku ringkasan mengajar guru pelatih, pengkaji mendapati 4 orang guru pelatih dapat menulis objektif pengajaran secara jelas dan nyata. Walau bagaimanapun, seorang responden iaitu Aminah gagal menyatakan dengan jelas apa yang hendak dicapainya pada akhir pengajaran. Manakala Esah, pula menulis 4 objektif yang ingin dicapai semasa pengajarannya menjadikan banyak objektif yang hendak dicapai pada satu waktu pengajaran.

ii. Menyusun isi pelajaran

Dari segi penulisan rancangan mengajar harian, keenam-enam responden dapat menyusun isi pengajaran sesuai dengan kemampuan pelajar berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada pelajar. Walau bagaimanapun, Aminah tidak dapat menyusun isi pelajarannya dengan baik kerana isi pelajaran yang dirancang adalah ringkas dan tidak sesuai untuk disampaikan dalam waktu pengajaran selama 80 minit.

iii. Strategi pengajaran

Keseluruhan responden menggunakan strategi dan kaedah pengajaran yang hampir sama kerana mereka mendapati strategi yang mereka gunakan adalah sesuai untuk dilaksanakan kepada pelajar pada masa tersebut. Misalnya, Aminah meminta pelajar membuat pembentangan dan sedikit aktiviti bersoal jawab dengan pelajar. Manakala Bibah, Zainab, Esah dan Bedah yang menggunakan kaedah demontrasi melalui penggunaan LCD dan komputer untuk pembentangan Mereka juga menggunakan lembaran kerja sebagai latihan bertulis. Ali yang menghadapi kekurangan bahan-bahan dan peralatan untuk mengajar telah memilih untuk menggunakan *Over Head Projector* (OHP) semasa pengajaran, pengkaji mendapati OHP tersebut tidak begitu sesuai kerana cahaya kabur dan tulisan pada transfarensi kurang jelas. Hasilnya pelajar tidak dapat memberi tumpuan terhadap pengajaran guru.

iv. Memulakan pengajaran

Semasa pemerhatian dijalankan oleh pengkaji dan pensyarah pembimbing, pengkaji mendapati Ali dan Bedah telah memulakan pengajaran masing-masing dengan tergesa-gesa. Ali misalnya lebih banyak bercakap-cakap dengan pelajar tanpa memberi peluang kepada pelajar untuk bersoal jawab. Keadaan ini berlaku kerana terdapat pelajar masuk lewat ke makmal komputer dan mungkin kurang bersedia untuk berhadapan dengan pensyarah pembimbing dan pengkaji sendiri. Alat bantu mengajar yang mereka gunakan hanya tertumpu kepada komputer, *Liquid Crystal Display* (LCD) dan lembaran kerja.

v. Perkembangan pengajaran

Tiga responden yang dibuat penyeliaan oleh pengkaji mendapati bahawa mereka tidak dapat menjalankan pengajaran dengan berkesan kerana beberapa masalah yang mereka hadapi. Misalnya Aminah, tidak dapat menjalankan pengajarannya kerana suara yang kurang bertenaga untuk berinteraksi dengan pelajar, Bibah, tidak dapat menghabiskan bahagian penutup pengajaran kerana kekurangan masa dan Bedah pula terlalu tergesa-gesa menghabiskan pengajaran walaupun pelajarinya tidak dapat memahami pengajaran guru. Ali, Esah dan Zainab dapat melaksanakan pengajaran mereka dengan lancar seperti yang dirancang dalam rancangan mengajar.

vi. Pengurusan bilik darjah

Hanya Bibah sahaja yang berjaya mengendalikan kelas dengan cemerlang. Walau bagaimanapun 5 orang responden lagi masih dapat mengawal kelas dengan baik dan kebanyakan pelajar mengikuti pengajaran guru dengan penuh minat. Bagi Aminah, walaupun kelas tidak bising tetapi pelajar-pelajar di dalam kelas tersebut melakukan aktiviti yang lain di komputer seperti *Internet Relay Chat*, bermain *games*, dan membuat tugas lain-lain pada komputer masing-masing tanpa menghiraukan arahan guru pelatih berkenaan.

vii. Komunikasi guru dengan pelajar

Semasa pengkaji membuat pemerhatian, terdapat pelbagai bentuk komunikasi yang berlaku antara guru dengan pelajar. Aminah lebih banyak memberi perhatian kepada markah pembentangan oleh pelajar berbanding kepada tumpuan terhadap pelajar-

pelajar lain di dalam kelas tersebut. Semasa mengajar Bedah banyak memberi tumpuan kepada pelajar di hadapan kelas, pelajar-pelajar lain di bahagian belakang kelas tidak berlaku soal jawab antara guru dan murid dan permasalahan mereka tidak dilayan. Ali, Bibah, Esah dan Zainab berjaya menjalinkan komunikasi yang berkesan dengan pelajar melalui pergerakan mereka dalam kelas, suara yang kuat dan bersemangat serta dapat melibatkan semua pelajar dalam pengajaran mereka.

viii. Kualiti Pengajaran

Berdasarkan kepada pemerhatian, pengkaji mendapati kualiti pengajaran secara keseluruhannya belum memuaskan. Keadaan ini berlaku, disebabkan beberapa faktor, misalnya kelemahan yang ada pada diri guru pelatih. Aminah misalnya, mempunyai suara yang perlahan apabila berkomunikasi dengan pelajar. Bedah pula gementar ketika proses pengajaran berlaku. Ali, walaupun seorang guru pelatih yang bijak berhujah tetapi kelihatan panik semasa pengajaran dijalankan. Keadaan ini berlaku kerana faktor pengalaman mengajar, kurang persediaan, kaedah pengajaran yang kurang menarik, tidak ada unsur jenaka untuk menghilangkan rasa bosan semasa proses pengajaran .dan wujud perasaan gementar kerana ada pensyarah sedang memerhatikan pengajaran mereka.

ix. Penutup Pengajaran

Pengkaji mendapati Ali, Bedah dan Zainab dapat melaksanakan aktiviti penutup pengajaran dengan berkesan dan objektif pengajaran pada waktu tersebut tercapai. Tiga orang responden iaitu Aminah, Bibah dan Esah tidak dapat melaksanakan

aktiviti penutup pengajaran mereka kerana faktor masa. Pengkaji mendapati Aminah tiada langsung aktiviti penutup untuk pelajar-pelajarnya kerana dia hanya mengajar dan membuat pembentangan tanpa merujuk tempoh masa yang dirancang dalam rancangan mengajar.

Selain itu, pengkaji juga meneliti catatan refleksi guru pelatih yang mereka catat selepas waktu pengajaran. Catatan ini berkaitan masalah yang mereka hadapi semasa melaksanakan pengajaran. Misalnya catatan yang dilakukan oleh Aminah seperti berikut;

Saya masih tidak dapat mengawal kelas dengan baik. Pembentangan yang dirancang juga tidak dapat berjalan dengan sempurna. Terdapat ahli kumpulan yang tidak menerangkan hasil kerja mereka kepada kelas. Ada juga ahli kumpulan yang hanya menunjukkan hasil kerja dan tidak memberi apa-apa respon terhadap rakan-rakan. Begitu juga dengan rakan-rakan lain yang tidak bertanya mengenai sebarang masalah yang tidak difahami pada slaid persembahan pembentang.

(Catatan Aminah)

Masalah pelajar yang tidak melakukan aktiviti pembelajaran dalam kelas seperti yang diminta oleh guru pelatih turut dialami oleh beberapa orang guru pelatih yang lain. Misalnya catatan Esah menunjukkan masalahnya seperti berikut;

Segelintir pelajar enggan melakukan aktiviti yang disuruh, guru perlu memantau pelajar-pelajar tersebut setiap masa. Lebih daripada separuh pelajar tidak dapat menyiapkan penilaian sendiri. Guru perlu menegaskan kepentingan membuat nota ringkas kepada pelajar.

(Catatan Esah)

Bimbingan pensyarah untuk membantu guru-guru pelatih menjalani latihan praktikum dengan berkesan.

Berdasarkan dari kepada temu bual dengan guru pelatih tentang penyeliaan pensyarah, semua 6 orang responden guru pelatih menyatakan penyeliaan pensyarah adalah sangat diperlukan untuk membimbing kaedah mengajar yang betul, penulisan objektif, penerapan nilai-nilai murni dan sebagainya .Ini dinyatakan oleh Aminah seperti berikut;

“Pensyarah pembimbing banyak membimbing saya dari segi kaedah mengajar, bagaimana untuk menarik perhatian pelajar, berbincang selepas waktu mengajar dan menegur saya dari segi penulisan rancangan mengajar”

(Aminah)

Ali mengakui bahawa penyeliaan praktikum memberi rangsangan kepada dirinya untuk mengajar kerana pensyarah pembimbing banyak memberi idea-idea baru untuk mengendalikan kelas dan juga mengendalikan pelajar-pelajar yang bermasalah. Ini dinyatakan oleh Ali dalam temu bual berikut;

“Pensyarah pembimbing saya membuat bimbingan terhadap pengajaran saya dari aspek, bagaimana mengendalikan students. Bagi saya dia lebih pentingkan teknik mengajar. All the stages, all the steps. Saya faham, there are certain students yang tak boleh ikut ... you have to motivate them, dia kata pada saya.”

(Ali)

Di samping itu, 6 orang responden yang ditemu bual oleh pengkaji menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap beberapa orang pensyarah penyelia yang tidak membimbing mereka dalam beberapa perkara yang amat diperlukan oleh guru pelatih. Misalnya kata Aminah,

“Ada pensyarah pembimbing yang tidak menunjuk apa-apa, bila kita harapkan dia datang, dia tidak datang untuk membantu saya dari segi penulisan Rancangan Mengajar Mingguan, penulisan objektif pengajaran, penerapan nilai-nilai murni yang saya tidak tahu. Pensyarah ini terlalu sibuk, kadang-kadang dia tidak datang untuk menyelia, mungkin ada tugas lain, tapi bila datang terus muncul

dalam makmal komputer. Kita sebagai guru pelatih tak tahu nak buat apa-apa sebab tu saya jadi panik.”

(Aminah)

Pendapat Aminah mempunyai persamaan dengan beberapa orang responden lain yang ditemu bual oleh pengkaji. Misalnya Ali menyatakan,

“Di peringkat awal praktikum tak ada penyeliaan oleh pensyarah tapi agak kerap sejak akhir-akhir ini. Dulu Puan Milah, kerap pergi ke Melaka, Kuala Lumpur dan lain-lain tempat, kami ada juga berhubung melalui telefon, itu pun satu kali sahaja”.

(Ali)

Pendapat Aminah dan Ali terhadap pensyarah pembimbing yang sibuk dengan tugas-tugas lain di institut, turut diakui sendiri oleh 4 orang pensyarah yang ditemu bual oleh pengkaji. Ini dinyatakan oleh En. Ayob dalam temu bual berikut;

“Di samping itu kebanyakan pensyarah-pensyarah Teknologi Maklumat terpaksa keluar dari IPDA atas tugas-tugas rasmi iaitu di luar negeri Kedah seperti ke Bahagian Pendidikan Guru untuk mesyuarat, membuat modul oleh itu mereka ini mempunyai kekangan masa untuk menyelia guru-guru pelatih di sekolah”.

(En. Ayob)

Pendapat yang sama turut diberikan oleh seorang lagi pensyarah pembimbing iaitu En. Mamat yang dinyatakan dalam temu bual berikut;

“Sebelum pergi praktikum ada beberapa kekangan yang terpaksa dihadapi oleh setiap pensyarah iaitu, dia terpaksa mengajar pada peserta kursus tertentu di maktab. Selepas itu, dia terpaksa terkejar-kejar semula untuk pergi menyelia pelatih. Kekangan pensyarah ini akan menjadi lebih sukar lagi jika guru-guru pelatih itu penempatannya agak jauh dari maktab.”

(En. Mamat)

En. Bakar juga mengakui bahawa rutin kerja di Institut Perguruan Darulaman begitu ketat turut mempengaruhi kualiti bimbingan yang perlu diberikan kepada guru pelatih. Misalnya beliau berkata dalam temu bual berikut,

“ Aspek bimbingan ini, kadangkala perlu banyak dilakukan sebelum penyeliaan, masalah wujud dikalangan pensyarah pembimbing ialah kerana kita terikat dengan rutin atau kerja harian yang ketat dari segi pembahagian masa.”

(En. Bakar)

Walau bagaimanapun 3 orang responden menyatakan komen mereka terhadap sikap pensyarah pembimbing yang gagal berfungsi dengan baik. Misalnya Bibah

yang mempunyai pengalaman penyeliaan praktikum dengan seorang pensyarah pembimbing. Misalnya dia menyatakan;

“Ada pensyarah pembimbing yang tidak selaras dalam memberi komen dan ulasan. Ada pensyarah pembimbing yang menyelia saya jarang membuat penyeliaan, satu kali dalam tempoh sepuluh minggu, sepatutnya empat atau lima kali penyeliaan, baru nampak performance kita. Tapi nasib saya baik kerana guru pembimbing banyak membantu dari segi pengendalian kelas.

(Bibah)

Dua orang responden iaitu Esah dan Zainab menyatakan penyeliaan pensyarah memerlukan standard penilaian yang tertentu tanpa membezakan pencapaian guru pelatih mengikut tahap sekolah. Maksudnya antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar perlu dibezakan dari segi aras penyeliaan tersebut kerana tahap pencapaian sekolah adalah berbeza. Misalnya komen Zainab dalam temu bual tersebut;

“saya berpendapat pensyarah perlu ada standard penilaian yang sama untuk semua sekali, saya dapati kami mengajar mata pelajaran yang sama dengan pelajar praktikum di sekolah lain. Kadang-kadang topik yang mereka ajar lebih ringkas daripada kita dan dia mengajar pun tak macam mana atau tidak setanding dengan kita tapi markah dia lebih. Ha, ... jadi kami nak tahu mengapa perkara ini berlaku. Satu

lagi yang berlaku pensyarah A cakap macam ni, pensyarah B cakap macam ni. Kadang-kadang tak tau nak ikut yang mana satu. Itu mungkin kelemahan pihak institut yang mungkin tak disedari kerana pendekatan pensyarah yang berbeza mengikut jabatan yang berbeza”

(Zainab)

Guru pelatih yang ditemu bual juga menyatakan pendapatnya terhadap pengajaran pensyarah yang dilakukan di bilik-bilik kuliah. Menurut Esah, beliau menyatakan;

“Tidak ada satu model atau pendekatan mengajar yang berkesan. Pensyarah hanya meminta pelajar membuat pembentangan di bilik kuliah tetapi tidak mengajar kita pendekatan yang berkesan untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar-pelajar di sekolah.”

(Esah)

Pendapat ini disokong oleh seorang lagi responden iaitu Zainab yang menyatakan ;

“..... jika subjek Ilmu Pendidikan (IP), kami boleh terima sebab IP mengajar bagaimana nak mengajar tetapi bagi kami di Jabatan Teknologi Maklumat (JTM), subjek Teknologi Maklumat dan Sains Komputer adalah subjek baru, kami tidak tahu. Misalnya, bagaimana

hendak mengajar subjek Visual Basic yang berkesan kepada student, kami tidak diajar strategi pengajaran seperti itui.”

(Zainab)

Hasil daripada temu bual di kalangan pensyarah pembimbing, pengkaji mendapati para pensyarah juga mempunyai masalah untuk membimbing guru pelatih menjalani latihan praktikum dengan berkesan.

Empat orang responden menyatakan bahawa lokasi sekolah yang jauh menyebabkan bimbingan terhadap guru pelatih tidak dapat dilakukan dengan berkesan oleh pensyarah pembimbing. Misalnya masalah yang dihadapi oleh En. Bakar ialah apabila pelajar-pelajar diletakkan di sekolah yang jauh dari institut. Situasi ini dinyatakan dalam temu bual berikut;

“Memang ada masalah, terutama bila kita di tempatkan untuk membuat penyeliaan di tempat-tempat yang jauh, banyak masa dihabiskan dalam perjalanan. Oleh itu kekerapan untuk membimbing guru pelatih terutama sebelum penyeliaan dan selepas penyeliaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana tempat praktikum yang jauh. Jadi saya rasa elok jika sekiranya pada waktu praktikum ini dilaksanakan, aspek masa mengajar dalam jadual waktu pensyarah perlu diberi perhatian”

(En. Bakar)

Bagi En. Dolah yang begitu berpengalaman dalam penyeliaan latihan praktikum ini, turut menyatakan seperti berikut;

“ pensyarah perlu membereskan dahulu tugas-tugas di maktab sebelum berkejar ke sekolah untuk menyelia praktikum menyebabkan bimbingan awal sebelum 10 minit pengajaran guru pelatih tidak dapat dijalankan. Hanya bimbingan pada waktu akhir pengajaran sahaja yang dapat dijalankan”.

(En. Dolah)

Menurut En. Mamat pula menyatakan,

“kekangan masa kerana mengajar di bilik kuliah, selepas itu terpaksa berkejar-kejar untuk pergi menyelia guru pelatih. Jika pergi menyelia di tempat yang jauh, satu perancangan yang betul perlu dibuat oleh pensyarah pembimbing”.

(En. Mamat)

Berdasarkan kepada temu bual ini, pengkaji mendapati bahawa ada beberapa lagi masalah sampingan yang dikemukakan oleh pensyarah pembimbing seperti kekurangan pensyarah Teknologi Maklumat menyebabkan seorang pensyarah pembimbing terpaksa mengambil lima hingga enam orang guru pelatih semasa praktikum. Jadual waktu guru juga boleh menimbulkan masalah seperti seorang pelajar mengajar pada waktu awal jadual waktu manakala seorang lagi pada waktu akhir. Untuk melihat dua orang pelajar pada hari yang sama, pensyarah pembimbing

terpaksa menunggu lama. Situasi ini merugikan masa pensyarah. Terdapat juga beberapa orang guru pelatih yang tidak memahami teori-teori pengajaran tertentu dan masalah guru pelatih seperti ini memerlukan bimbingan rapi dari pensyarah pembimbing dan banyak masa pensyarah perlu digunakan untuk membimbing pelajar yang bermasalah itu.

Masalah jadual waktu juga dinyatakan oleh En. Mamat yang menyatakan bahawa,

“ada guru pelatih yang tidak memaklumkan kepada pensyarah sebarang perubahan yang berlaku di sekolah. Misalnya apabila pensyarah sampai untuk penyeliaan, guru pelatih akan menyatakan pengajaran tidak dapat dilaksanakan kerana pihak sekolah ada majlis tertentu”

(En. Mamat)

Kekurangan pensyarah Teknologi Maklumat ini dapat dilihat oleh pengkaji sendiri apabila berjumpa dengan Pn. Milah seorang pensyarah bukan dari Jabatan Teknologi Maklumat yang membuat penyeliaan terhadap Ali seorang guru pelatih yang sedang mengajar di Sekolah Menengah Syed Mohamed Al Bukhary, Jalan Stadium, Alor Star. Apabila ditanya terhadap mutu penyeliaan Pn. Milah, Ali menyatakan bahawa;

“Sebenarnya komen pensyarah seperti Pn. Milah sangat berguna kepada saya, kerana Pn. Milah memberi komen yang merangsang kebolehan saya, walaupun dia bukan pensyarah dari Jabatan Teknologi Maklumat. Ulasannya banyak menjurus kepada bagaimana kaedah mengajar yang betul, maksud saya untuk menarik minat pelajar pada kita sewaktu pengajaran dalam kelas. Dari segi isi pengajaran kami sudah tahu, aspek pedagogi itu yang penting untuk kami”.

(Ali)

Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan dapatan kajian berdasarkan kepada temu bual dengan semua responden yang terdiri daripada enam orang guru pelatih dan empat orang pensyarah pembimbing. Di samping itu pemerhatian turut dilakukan terhadap pengajaran guru dengan meneliti pelbagai aspek pengajaran yang mereka lakukan dalam kelas. Penelitian juga dibuat terhadap penulisan jurnal guru pelatih.

Berdasarkan kepada temu bual yang dibuat terhadap guru pelatih, pengkaji mendapati kesemua guru pelatih bersetuju bahawa latihan praktikum adalah satu proses pembelajaran yang berkesan kepada mereka sebagai satu pendedahan sebenar tentang dunia pendidikan di sekolah. Dalam jangkamasa yang singkat, iaitu 10 minggu, sudah tentu seorang guru pelatih tidak dapat menguasai sepenuhnya dunia pendidikan yang begitu mencabar. Pelbagai kaedah dan teknik pengajaran,

pengajaran mikro, aspek pengajaran dan pembelajaran yang perlu mereka pelajari untuk mengaplikasikan pelbagai ilmu di maktab perguruan supaya mereka dapat melaksanakannya di bilik darjah. Dalam hal ini semua guru pelatih mengharapkan bahawa pensyarah pembimbing perlu memberi lebih banyak perhatian, bimbingan dan tunjuk ajar kepada mereka semasa tempoh latihan praktikum ini.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat di IPDA ini dapat menguasai dengan baik isi kandungan dan tajuk pelajaran yang ditugaskan kepada mereka untuk mengajar di sekolah. Walau bagaimanapun mereka masih lagi lemah dari aspek pedagogi yang merangkumi aspek perkaedahan mengajar, kawalan kelas dan juga hubungan interpersonal dengan pelajar. Nilai-nilai murni juga tidak diterapkan secara tersusun oleh guru pelatih semasa mereka melaksanakan pengajaran di dalam kelas.

Hasil daripada temu bual kalangan pensyarah pembimbing, pengkaji mendapati sememangnya wujud kelemahan dari segi penulisan objektif, tahap kesediaan dan kreativiti di kalangan guru pelatih semasa mereka menjalani latihan praktikum ini. Pensyarah pembimbing juga mengakui bahawa kaedah dan strategi mengajar yang digunakan oleh guru-guru pelatih masih lagi kurang berkesan kerana mereka tidak dapat menguasai kaedah dan strategi mengajar yang sesuai digunakan di kelas.

Kelemahan seterusnya ialah dari aspek pembahagian masa mengajar, tiga orang responden yang dibuat pemerhatian oleh pengkaji mendapati bahawa mereka tidak dapat menghabiskan pengajaran dengan sempurna kerana kesuntukan masa. Keadaan seperti ini berlaku kerana kawalan kelas yang tidak teratur, kurang persediaan dari aspek penyampaian pengajaran terhadap pelajar, pelajar yang tidak menumpukan perhatian kepada pengajaran guru, dan pelajar lewat masuk ke makmal komputer.

BAB 5-

PERBINCANGAN

Pengenalan

Program praktikum memberi peluang kepada guru pelatih untuk mempraktikkan teori dan amalan pengajaran, yang bersifat *developmental* untuk membantu guru pelatih membina, menguasai dan mengukuhkan ilmu profesional keguruan agar dapat menjadi guru permulaan yang berkesan. Dalam perlaksanaan praktikum ini, bimbingan dan latihan lebih diutamakan daripada penilaian. Proses ini memerlukan kerjasama dan perkongsian pengalaman dan kepakaran antara maktab dan sekolah.

Perbincangan Dapatan Kajian

i. Persepsi guru pelatih terhadap latihan praktikum

Kajian kes dijalankan untuk membolehkan kita melihat persepsi guru pelatih mengenai pengalaman pengajaran dari perspektif guru pelatih. Pengalaman mereka yang berlaku adalah sangat berguna untuk memberi gambaran seterusnya terhadap permasalahan yang mereka alami semasa latihan praktikum. Dapatan menunjukkan bahawa enam responden mendapat pemahaman yang baik tentang konsep dan tujuan praktikum seperti yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Mereka juga bersetuju menyatakan bahawa latihan praktikum adalah satu proses pembelajaran yang akan mendedahkan diri mereka kepada suasana sebenarnya di dalam kelas,

pergaulan dengan guru-guru lain di sekolah dan mengalami sendiri permasalahan sebenar yang berlaku di sekolah.

Semua responden menunjukkan minat yang tinggi semasa mereka menjalani latihan praktikum. Enam orang responden berusaha untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam bilik darjah.

ii. Masalah yang dialami oleh guru pelatih kursus Teknologi Maklumat semasa melaksanakan pengajaran mereka di bilik darjah

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati guru pelatih sememangnya menghadapi masalah semasa mereka menjalani latihan praktikum. Masalah berpunca daripada interaksi guru pelatih dengan pelajar dan interaksi mereka dengan pensyarah pembimbing. Dapatan daripada permasalahan ini menyebabkan guru pelatih mengalami tekanan terhadap diri mereka.

Masalah utama guru pelatih ialah mereka tidak dapat menggunakan satu teknik atau kaedah dan strategi mengajar yang berkesan terhadap pelajar-pelajar mereka. Situasi berkenaan berlaku kerana mereka sendiri tidak faham, tidak ingat dan tidak merujuk pada mana-mana buku rujukan untuk mengaplikasikannya di dalam bilik darjah di sekolah.

Guru pelatih turut tertekan emosi mereka ketika berinteraksi dengan pelajar yang berprestasi tinggi. Dalam konteks ini, perasaan tertekan timbul dari sikap

pelajar yang tidak memberi respon sama ada mereka memahami apa yang guru ajar atau sebaliknya. Di samping itu, guru pelatih merasa tertekan kerana bimbang melakukan kesilapan dalam pengajaran mereka. Sekiranya guru pelatih melakukan kesilapan ketika mengajar, ada kemungkinan pelajar akan membuat andaian bahawa dia tidak mengetahui apa yang diajarnya. Justeru itu, guru pelatih perlu melengkapkan diri dengan menguasai sepenuhnya isi kandungan mata pelajaran yang diajarnya.

Guru pelatih yang menjalani latihan praktikum sememangnya mempunyai perasaan yang bercampur-baur apabila berhadapan dengan kerenah pelajar terutama pelajar yang lemah dalam pembelajaran di sekolah. Masalah tidak ada kerjasama, tidak membuat tugas yang diberikan oleh guru, tidak memberi tumpuan dalam kelas dan bising ketika pengajaran berlaku. Perkara-perkara yang bermasalah seperti itu, sememangnya memeningkan kepala semua responden.

Untuk menangani pelajar yang bermasalah ini, beberapa tindakan dilakukan oleh guru pelatih seperti berbincang dengan guru pembimbing, meminta kerjasama pelajar semasa pengajaran dijalankan dan memberikan motivasi kepada pelajar yang bermasalah.

iii Peranan pensyarah pembimbing untuk membantu guru-guru pelatih menjalani latihan praktikum dengan berkesan

Latihan praktikum berkait rapat dengan pensyarah pembimbing. Bimbingan daripada pensyarah pembimbing diakui oleh semua enam orang responden yang menyatakan memberi kesan yang besar terhadap kebolehan mereka untuk berhadapan dengan pelajar.

Pengkaji mendapati bahawa guru pelatih merasa tertekan terhadap pensyarah pembimbing yang membuat bimbingan tidak seperti yang mereka harapkan. Guru pelatih mengharapkan pensyarah pembimbing akan membantu mereka dari segi penulisan objektif pengajaran, menulis rancangan mingguan yang betul, cara-cara berinteraksi dengan pelajar, kawalan kelas, penerapan nilai-nilai murni, memasukkan unsur-unsur Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) semasa pengajaran dilaksanakan. Situasi ini berlaku kerana pensyarah pembimbing yang terlalu sibuk dengan tugas-tugas di bilik kuliah dan juga tugas-tugas di Bahagian Pendidikan Guru.

Dapatan dari kajian ini mendapati terdapat responden yang menyatakan pensyarah pembimbing tidak menyelia mengikut tahap penilaian yang sebenarnya. Menurut seorang responden yang menyatakan bahawa pensyarah pembimbing tidak selaras dalam memberi komen dan ulasan. Keadaan ini berlaku kerana ada unsur-unsur untuk membezakan pencapaian guru pelatih mengikut tahap sekolah.

Maksudnya antara sekolah luar bandar dan sekolah dalam bandar perlu dibezakan dari segi kualiti penyeliaan kerana tahap pencapaian pelajar juga berbeza.

Terdapat responden menyatakan semasa temu bual bahawa pensyarah pembimbing tidak mempunyai satu model atau pendekatan mengajar yang berkesan terhadap pelajar. Pensyarah pembimbing lebih mementingkan pembentangan dan perbincangan di bilik kuliah daripada menunjukkan satu model pengajaran yang berkesan kepada guru pelatih melalui pengajaran mikro atau satu simulasi berkaitan dengan sesuatu teori yang perlu mereka kuasai. Responden juga mengharapkan pensyarah pembimbing dapat menunjukkan kepada guru-guru pelatih KPLI Teknologi Maklumat, satu pendekatan mengajar yang berkesan supaya mereka dapat mengaplikasikan kaedah yang ditunjukkan itu kepada pelajar-pelajar di sekolah.

Pensyarah pembimbing tidak seharusnya membuat penyeliaan dalam keadaan yang tergesa-gesa. Masa yang mencukupi harus digunakan untuk menyiapkan kerja, membimbing, merancang, bersidang, melihat guru pelatih mengajar, mencari kekuatan dan kelemahan diri guru pelatih melalui penulisan refleksi mereka, serta melihat kembali perkara-perkara yang menjadi kelemahan dan kebimbangan guru pelatih. Seandainya bimbingan dilakukan dengan sistematik, teratur dan terancang, pada pandangan pengkaji tekanan yang dialami oleh guru pelatih dapat dikurangkan.

Cadangan Untuk Mengatasi Masalah

Satu sesi pemantauan atau sesi moderasi perlu diadakan oleh Jawatankuasa Praktikum IPDA dalam jangka masa 10 minggu latihan praktikum. Ketika sesi moderasi, guru-guru pelatih akan dipanggil balik ke IPDA untuk sesi moderasi. Semasa sesi moderasi ini juga, pensyarah pembimbing dan Jawatankuasa Praktikum akan dapat melihat satu *benchmark* yang ditentukan oleh pihak Institut Perguruan Darulaman. Ketika sesi moderasi dilaksanakan, pensyarah pembimbing akan mengumpulkan semua permasalahan guru pelatih di sekolah. Semua faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidak keberkesanan pengajaran dan dapat dibincang secara terbuka di kalangan pensyarah praktikum dan di kalangan guru pelatih. Sebelum pensyarah memberikan keputusan atau markah praktikum, penyeliaan praktikum secara berterusan perlu dilaksanakan dengan pengawasan Ketua-ketua Jabatan atau pihak pengurusan institut supaya kes-kes terencil yang dialami oleh guru pelatih dapat diatasi secara bersama.

Subjek teknologi maklumat adalah kursus baru yang diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru di maktab-maktab perguruan untuk pelajar-pelajar KPLI. Pengajaran mereka berlaku sepenuhnya dalam makmal komputer, oleh itu perkaedahan mengajar dalam makmal komputer perlu didedahkan kepada guru-guru pelatih yang mengajar menggunakan makmal komputer. Pada masa sekarang pihak institut lebih memfokuskan kepada kaedah mengajar di bilik darjah. Guru pelatih sepatutnya tidak boleh disalahkan jika gagal mempamerkan prestasi mengajar yang baik. Keadaan ini wujud kerana kelemahan dari segi pendedahan kaedah mengajar di

makmal komputer. Keadaan fizikal makmal komputer sekolah yang tidak lengkap seperti tidak ada kemudahan *Liquid Crystal Display* (LCD), *white board* yang berada di belakang skrin, dan susun atur bilik perlu diambil kira dari segi penyeliaan oleh pensyarah pembimbing supaya guru pelatih dapat melaksanakan kaedah pengajaran yang teratur.

Pensyarah pembimbing perlu memainkan peranan untuk menerangkan kepada guru pelatih bagaimana kaedah yang boleh digunakan untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan kepada pelajar-pelajar mereka di sekolah. Satu simulasi cara pengajaran yang sebenarnya mengikut perkaedahan tertentu perlu diadakan melalui aktiviti pengajaran mikro. Melalui proses ini, satu kumpulan pelajar akan pergi ke sekolah yang dipilih dan menjalankan simulasi yang sebenar. Rakaman audio visual boleh dilakukan untuk memudahkan ahli kumpulan yang lain memberi pandangan dan cadangan bagi memperbaiki kelemahan yang wujud semasa sesi pengajaran tersebut. Berdasarkan kepada kaedah mengajar tersebut, pensyarah yang berkaitan akan mengaitkan pengajaran tersebut dari segi kaedah dan strategi pembelajaran yang telah dipelajari di bilik-bilik kuliah.

Jangka masa latihan praktikum perlu dipanjangkan tempoh dari 10 minggu (2½ bulan) kepada 12 minggu (3 bulan) supaya bimbingan dapat dibuat secara berterusan bagi memantapkan lagi kemahiran mengajar guru-guru pelatih. Pada masa sekarang, jangka masa 10 minggu sukar untuk dilakukan pencerapan yang berkesan oleh pensyarah pembimbing kerana kesuntukan masa dan bilangan guru pelatih yang

ramai untuk seorang pensyarah pembimbing. Di samping itu, penempatan guru pelatih di sekolah juga perlu disesuaikan dengan perancangan aktiviti-aktiviti di sekolah supaya tidak bertembung dengan minggu peperiksaan sekolah.

Komitmen yang tinggi oleh pensyarah pembimbing dan guru pelatih adalah penting untuk menjayakan program praktikum ini. Dalam hal ini, pensyarah pembimbing atau pensyarah yang mengajar tentang perkaedahan perlu mencuba untuk membuat satu tunjuk cara atau kaedah demonstrasi kepada guru-guru pelatih. Misalnya satu kaedah mengajar yang betul berdasarkan kepada kaedah-kaedah pengajaran yang mereka pelajari dari buku-buku teks di bilik kuliah. Aktiviti seterusnya ialah perbincangan ahli kumpulan untuk melihat kekuatan dan kelemahan terhadap kaedah yang mereka gunakan itu.

Amalan refleksi dan penilaian sendiri perlu diberi tumpuan semasa kuliah dijalankan. Kursus-kursus pendek atau seminar-seminar kecil perlu disediakan untuk memberi pendedahan kepada guru pelatih supaya mereka dapat menghayati tujuan serta kepentingan refleksi dan penilaian sendiri. Latihan membuat refleksi dan penilaian sendiri boleh disepadukan dalam aktiviti semasa kuliah atau kerja kursus. Bimbingan secara berterusan perlu diberikan kepada guru pelatih supaya mereka dapat melatih diri mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi semasa latihan praktikum.

Pada akhir setiap kali tempoh latihan praktikum berakhir , satu mesyuarat post mortem perlu diadakan oleh Jawatankuasa Praktikum IPDA untuk mendapat maklum balas daripada pensyarah-pensyarah pembimbing. Beberapa orang guru pelatih juga perlu dijemput untuk memberi maklum balas tentang perjalanan latihan praktikum dan saranan-saranan daripada mesyuarat post-mortem ini akan dipertimbangkan untuk sesi latihan praktikum pada masa akan datang.

Usaha secara kolaboratif antara pensyarah, pihak Institut Perguruan Darulaman dan pihak sekolah perlu ditingkatkan. Dialog, bengkel dan seminar praktikum boleh dijalankan untuk mengurangkan jurang pendekatan pengajaran di maktab dengan yang diamalkan di sekolah .Perjumpaan seperti ini memberi peluang kepada pensyarah dan pihak sekolah bertukar-tukar fikiran dan ilmu pengetahuan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Program sandaran di sekolah boleh disediakan untuk pensyarah maktab supaya jurang antara teori dan perlaksanaan dapat dirapatkan.

Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, salah satu keperluan yang perlu dipertimbangkan adalah untuk memeriksa semula proses penyeliaan dalam praktikum. Kajian boleh dijalankan supaya aspek kemahiran dalam pencerapan kelas dan keupayaan menganalisis pengajaran kelas atau makmal komputer kerap kali diabaikan dalam penyeliaan. Untuk mengatasi kekurangan ini perlu ada pendekatan

penyeliaan klinikal yang lebih sistematik dalam bentuk bimbingan berfokus kepada pengajaran dalam kelas atau dalam makmal komputer.

Konsep penyeliaan klinikal ialah proses menukarkan peranan penyelia daripada penilai kepada rakan sekerja dan konsultan dengan guru pelatih. Oleh itu, jurang keduanya boleh dirapatkan agar perbincangan dapat dilakukan bagi mengurangkan tekanan. Penyeliaan klinikal dikatakan berupaya untuk menggabungkan gaya penyeliaan dengan prosedur yang sistematik untuk meningkatkan aspek tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran (Zakaria Kasa dan Abdul Rahman Md. Aroff, 1997).

Permasalahan dalam praktikum juga berlaku kerana kekurangan kolaborasi antara pihak sekolah dengan maktab dalam menyelesaikan masalah-masalah seperti bimbingan dan penyeliaan. Contohnya pensyarah-pensyarah maktab telah didedahkan dengan pelbagai kaedah penyeliaan seperti "*Cognitive coaching*" penyeliaan secara *negotiation*, penyeliaan secara mentoring dan pelbagai kaedah penyeliaan yang terkini, tetapi guru pembimbing di sekolah tidak mempunyai kemahiran tersebut. Untuk tujuan itu satu kajian lanjut tentang *permasalahan praktikum dari sudut penyeliaan klinikal* ini boleh dijalankan supaya satu formula boleh dicapai untuk menyelesaikan masalah tersebut

Kajian lain difikirkan sesuai untuk dibuat kajian lanjutan ialah *persepsi pihak sekolah terhadap peranan guru pelatih dalam praktikum*. Kajian ini dapat dijalankan untuk melihat perbezaan pandangan antara pihak sekolah dan maktab perguruan

terhadap guru-guru pelatih yang menjalani latihan praktikum di sekolah. Misalnya pihak sekolah menganggap guru pelatih sebagai staf tambahan dalam melaksanakan tugas-tugas kurikulum, kokurikulum dan tugas staf sokongan di sekolah, bukan sebagai guru pelatih yang memerlukan bimbingan latihan praktik dalam situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar. Sedangkan pihak maktab memberi penekanan pada amalan praktik tentang teori-teori yang dipelajari di maktab.

Perbezaan pandangan antara maktab dan pihak sekolah ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati pihak sekolah terhadap ketidak cekapan guru pelatih dalam menangani cabaran-cabaran dalam bilik darjah. Permasalahan tersebut adalah merupakan tanggungjawab pihak sekolah melatih guru pelatih untuk menangani cabaran-cabaran tersebut. Implikasi terhadap permasalahan ini akan menjadikan matlamat praktikum seperti yang dicadangkan oleh Bahagian Pendidikan Guru tidak akan tercapai.

Kajian terhadap masalah praktikum di kalangan guru-guru pelatih juga boleh dijalankan lagi oleh pengkaji lain pada masa akan datang ialah melalui kaedah kuantitatif. Berdasarkan kepada kaedah kuantitatif ini, kajian yang akan dijalankan nanti akan dapat melihat perhubungan kajian mereka dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji berdasarkan kaedah kualitatif terutamanya yang berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran serta masalah pengurusan bilik darjah.

Pengajaran mikro merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam pendidikan guru. Pengajaran mikro juga merupakan satu langkah awal yang sangat

berguna dalam penyeliaan kepada situasi pengajaran sebenar dalam bilik darjah. Sehubungan dengan itu satu kajian lanjutan boleh dijalankan untuk melihat *hubungan pengajaran mikro dengan latihan praktikum dan kesannya terhadap guru pelatih* yang akan menjalani program praktikum.

Kesimpulan

Praktikum merupakan satu program yang membolehkan guru pelatih mempraktik input yang diperolehi dari maktab perguruan dalam situasi sebenar di sekolah. Pengalaman praktikum ini memberi satu dimensi baru dan pendedahan awal kepada guru pelatih untuk menjadi seorang guru permulaan yang berketrampilan. Selain daripada mengumpul pelbagai pengalaman, guru pelatih juga menghimpun pelbagai masalah semasa menjalani latihan praktikum. Masalah yang terkumpul ini menghasilkan tekanan kepada guru pelatih yang sedikit sebanyak menambah beban yang harus dipikul oleh guru pelatih.

Pengkaji berpendapat jika tekanan yang wujud semasa proses latihan praktikum ini tidak diberi perhatian dan dibendung oleh pensyarah pembimbing, ia boleh memberi implikasi yang kurang sihat terhadap penghasilan guru permulaan yang berketrampilan. Kita mahu menghasilkan guru pelatih yang bukan sahaja cemerlang dalam latihan praktikum tetapi cemerlang sebagai guru permulaan. Adalah menjadi satu tragedi jika kecemerlangan hanya wujud dalam latihan praktikum sedangkan dalam realiti sebagai guru permulaan kecemerlangan ini terhakis. Pihak institut sememangnya berhasrat untuk memberi pengalaman sebenar guru pelatih

semasa menjalani latihan praktikum dalam penyediaan mereka ke arah guru permulaan yang berketrampilan. Pensyarah pembimbing juga mengharapkan segala yang positif dilakukan semasa latihan praktikum akan diteruskan semasa menjadi guru sebenarnya.

Hasrat semua warga pendidik di institusi perguruan adalah untuk melahirkan guru permulaan yang cemerlang harus direalisasikan. Tetapi persoalan di sini setakat mana impian tersebut menjadi suatu realiti jika senario permasalahan dalam kajian ini tidak dapat diselesaikan oleh pihak jawatankuasa praktikum di Institut Perguruan Darulaman sendiri.

Dalam perbincangan ini, pengkaji telah membincangkan dapatan kajian yang merujuk kepada persoalan kajian yang ditelah dikemukakan dalam bab yang lalu. Masalah yang wujud daripada guru pelatih telah dibincangkan dalam persoalan kajian tersebut. Walau bagaimanapun masalah dalam penyeliaan juga wujud seperti yang dijelaskan oleh 4 orang pensyarah pembimbing yang dipilih sebagai responden. Masalah tersebut ialah guru pelatih kurang bersedia dari segi mental dan juga ilmu pengetahuan yang sepatutnya dikuasai oleh mereka. Ada juga guru pelatih yang tidak menghantar jadual waktu seperti yang diperlukan dan ada juga guru pelatih yang tidak memaklumkan kepada pensyarah sebarang perubahan jadual waktu oleh pihak sekolah. Jadual waktu anjal juga menjadikan proses penyeliaan menjadi sukar dari segi pengurusan masa oleh pensyarah pembimbing. Pensyarah pembimbing juga terpaksa bekerja dalam jadual waktu yang ketat kerana terlalu ramai untuk diselia.

Pada masa yang sama pensyarah pembimbing juga mempunyai tugas pengajaran dan tugas-tugas penyelidikan yang perlu dijalankan serentak dengan waktu latihan praktikum ini.

Apabila program bertambah dan bilangan calon guru pelatih bertambah maka akan bertambah rumit dalam proses penempatan guru-guru pelatih mengikut lokasi sekolah yang disenaraikan. Pihak sekolah juga tidak mahu kelas-kelas mereka dikendalikan oleh guru-guru pelatih untuk jangka masa yang lama kerana masalah sukatan pelajaran yang perlu diselesaikan.

Secara umumnya kajian ini dapat menunjukkan bahawa latihan mengajar adalah sesuatu yang penting dan berfaedah kepada bakal guru, maka setiap permasalahan pelajar yang berlaku perlulah ditangani dengan baik dan berkesan. Oleh itu kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat dengan program praktikum perlu ada penyelarasan supaya mutu praktikum boleh dipertingkatkan.

RUJUKAN

- Abd.Rashid Mohamed dan Zurida Ismail. (2001). Pengalaman belajar mengajar guru-guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jld 17. 41 – 56.
- Aishah Sahul Hamid. (1996). Persepsi pensyarah dan guru pembimbing terhadap ketrampilan penyeliaan praktikum kurikulum perguruan asas, *Tesis Bacelor Education*. (tidak diterbitkan). Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2000). *Garis panduan praktikum latihan perguruan pra perkhidmatan*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pendidikan Guru.
- Bernbaum, G. Patrick, H & Reid, K. (1995). Post graduate initial teacher education in England and Wales, in D.Hopkins & K.Reid (eds) *Rethinking teacher education*. London: Croom Helm.
- Freeman D. (1989). Teacher training. development and dicision making: A model of teacher training and related strategies for language teacher education. *Tesol Quaterly*, 23-27.
- Haberman, M. & Harris, P. (1995). State requirements for co – operating teachers, *Journal of Teacher Education*, 33 (6) 25 – 29.
- Hodgkinson, K.(1997). Student perceptions of the personal relationships involved in teaching practice in primary schools. *Research in Education*, 67 –82.
- Hamidah Baba .(1998). Kecekapan dan keberkesanan mentoring. *Jurnal Pendidikan Guru*, Bil. 11 m.s. 31 – 50.
- Huffman, G. & Leak, S .(1996). Beginning teachers perceptions of mentors. *Journal of Teacher Education*, 37(1), 22-25.
- Jean M. Harris. (1997). *Kemahiran penyampaian guru*. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.
- John W. Creswell. (1994). *Research design kualitatif & quantitative approaches*. SAGE, Publications, Carlifornia, SAGE Publications, Inc.

- Jeswan Kaur, Tan Hui Leng. (1997). *Keberkesanan guru pembimbing dan sokongan yang diterima semasa penyeliaan praktikum*, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Gay L.R. (1996). *Educational Research. Competencies for analysis and application* (5th. ed) USA. Florida International University.
- Madniyah M.J., Muhammad, Choo S.L., Mohd Z.E., Aminuddin, Zakiah. (1999). *Modul Kajian Tindakan*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*. Penerbit Universiti Malaya. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marohaini Yusoff. (1996). *Perlakuan dan proses menulis karangan pelajar tingkatan empat di dalam bilik darjah*. Satu kajian kes. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Majid Konting. (1997). Kearah melahirkan pendidikan cemerlang dan bestari : pendekatan refleksi dalam praktikum pendidikan guru. *Kertas Kerja Seminar Praktikum Pendidikan Guru*. Di Century Mahkota , Melaka 19 – 21 Jun 1997.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2000). *Penyelidikan pendidikan..* Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Mohd Subandri Gani. (1998). Perbandingan pola komitmen kerja guru pelatih dengan pola pengajaran dalam praktikum. *Tesis Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Bangi, Bangi.
- Ng Chiew Mei, Ishak Osman, Tan Hui Leng,. Jaganathan, Zamri Bahar. (1998) Kesediaan guru pelatih semester tiga dalam menghadapi praktikum peringkat 1. *Laporan Penyelidikan*, MPIK, Kuala Lumpur.
- Noriati bt. Ab. Rashid. (1998). Persepsi guru pelatih Institut Bahasa terhadap kerjasama antara pembimbing semasa praktikum satu. *Tesis Sarjana Pendidikan* (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluational and research methods*. 2nd edition. London: Sage Publication.
- Rozali bin Abon (1999). Amalan penyeliaan dalam program praktikum pendidikan guru pra perkhidmatan. *Tesis Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Stones, E. (1994). Reform in teacher education: the power and pedagogy. *Journal of teacher education*, 45 (4) , 310 – 18.
- Salhah Abdullah, Ruzlan Md. Ali, Razmi Abd. Majid, Rohana Mahadzir, Salmah Ishak. (1998). *Meningkatkan kemahiran membimbing guru pelatih mengaplikasikan pemikiran reflektif pedagogikal semasa praktikum*. Kajian Tindakan. Institut Perguruan Darulaman, Kedah.
- Sund, R.B and L.W. Trowbridge. (1999). *Teacher science by inquiry the schools Ohio*. 2nd edition. Charles E. Meril Books Inc.
- Talbot, C. (1991). Towards school based teachers training. *School Organisation*, 11 (1), 87 – 97.
- Tam Yeow Kwai. (1990). Satu analisis pelaksanaan kurikulum pendidikan guru di maktab perguruan Raja Melewar. M. Ed. *Practicum report*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tesch, R. (1990). *Qualitative research: Analysis types and software tools*. New York: Falmer.
- Wan Zah Wan Ali. (2000). *Memahami pembelajaran*. Utusan Publications. Kuala Lumpur.
- Williams, E. A. (1998). Roles and responsibilities in initial teacher training – student views. *Educational Studies*, Jld. 20 (2), p.167 – 180.
- Zakaria Kasa dan Abdul Rahman Md. Aroff. (1997). Sikap dan nilai kerja guru pelatih: implikasi terhadap program pendidikan guru. *Jurnal Pendidikan* Jld. 22: 25 – 38.
- Zakaria Kasa. (1997). Peranan pensyarah universiti dalam latihan mengajar: penyelia atau penilai. *Kertas Kerja Seminar Praktikum Pendidikan Guru*. Di Century Mahkota , Melaka 19 – 21 Jun 1997.
- Zulkifli A. Manaf. (1997). Bimbingan dan penyeliaan praktikum oleh pensyarah dan guru pembimbing – harapan dan realiti : satu kajian empirikal *Kertas Kerja Seminar Praktikum Pendidikan Guru*. Di Century Mahkota, Melaka 19 – 21 Jun 1997.

LAMPIRAN

BORANG PERSETUJUAN

TAJUK KAJIAN: MASALAH PRAKTIKUM DIKALANGAN GURU-GURU PELATIH
INSTITUT PERGURUAN DARULAMAN

NAMA PENKAJI: MOHAMAD FAUZI BIN HAMID

Kepada Siapa Yang Berkenaan

1. Saya bersetuju untuk melibatkan diri sebagai responden dalam kajian seperti yang tersebut di atas.
2. Encik Mohamad Fauzi bin Hamid telah menerangkan bentuk dan tujuan kajian secara amnya tentang prinsip dan prosedur yang berkaitan dengan kajian beliau. Sebagai penyelidik terhadap kajian tersebut, beliau sedia maklum bahawa saya mempunyai hak untuk menarik balik penglibatan saya dalam kajian tersebut pada bila-bila masa sahaja.
3. Saya bersetuju bahawa jaminan sewajarnya dapat diberikan supaya sumbangan saya ini diterjemahkan dengan tepat dan saya juga bersetuju sepenuhnya untuk memberikan maklumat dan data yang diperlukan oleh beliau bagi kegunaan kajian tersebut.

.....
(NAMA RESPONDEN)

.....
(TARIKH)

.....
(TANDA TANGAN)

.....
(NAMA PENKAJI)

.....
(TARIKH)

.....
(TANDA TANGAN)

BORANG PEMERHATIAN LATIHAN PRAKTIKUM

NAMA GURU PELATIH :
 SEKOLAH : SMK Jln. Jln.
 KURSUS : PENGKHUSUSAN ... Teknologi ...
 : ELEKTIF
 TARIKH PEMERHATIAN : 2/9/02

KOMPONEN	ASPEK YANG DI LIHAT	ULASAN PENGKAJI
MERANCANG PENULISAN RANCANGAN MENGAJAR	1. Penulisan objektif pengajaran	Tidak dapat dijumpai dengan jelas obj. yg hendak dicapai pd akhir pemerhatian.
	2. Menyusun Isi pelajaran	Isi pelajaran terlalu ringkas utk masa pemerhatian 80 minit.
	3. Penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran	Strategi yg digunakan ialah pembelajaran 0 pelajar & sedikit saya sendiri.
	4. Penggunaan sumber pengajaran	menggunakan peralatan powerpoint - komp. LCD & skrin.
PENGAJARAN GURU PELATIH	1. Memulakan pengajaran	Dimulakan dgn tergesa-gesa. tanya penerangan yg rapi kpd. pelajar.
	2. Perkembangan pengajaran	suara guru terdengar utk berinteraksi dengan pelajar.
	3. Pengurusan bilik darjah	- Kelas dalam keadaan hikmah tdk ada pelajar yg mihat tdk baik.
	4. Komunikasi guru dengan murid	- Kurang berkesan guru pd. maksud pelajar.
	5. Kualiti pembelajaran	- Kurang menarik dan satu hala bdy & suara yg pelan.
	6. Penutup pengajaran	- Tidak ada unsur penerangan dgn guru pelatuh yg pd. pelajar.
	7. Pencapaian objektif pengajaran	- Tidak tercapai lwn antara guru & murid mpya matlamat yg sbes.
CATATAN : Guru lebih mengulangi kepala pelajaran pelajar tanya mengambil kira aktiviti pelajar. pelajar lwn dlm kelas.		



LAMPIRAN 3

LAM-PT12-16

Borang PR 1

BORANG PENYELIAAN PRAKTIKUM

Nama Guru Pelatih : No. K.P. :
Kursus : *KPL*
Pengkhususan/Major/Minor/Elektif : *KPL / TM*
Praktikum : Fasa I / Fasa II
Sekolah : *SMK Jitra*
Mata Pelajaran : *Telegraf Melayu* Tajuk : *Power Point*
Tahun : *2002* Tarikh : *2/9/02* Masa : *1205 - 125* Penyeliaan Ke:

Petunjuk Tahap

(Sila bulatkan angka yang berkenaan)

- Tahap 1: Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian.
Tahap 2: Pencapaian sederhana, masih perlu peningkatan
Tahap 3: Baik dalam banyak aspek
Tahap 4: Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek

BORANG PENYELIAAN PRAKTIKUM PR1

Komponen	Aspek	Tatap	Ulasan	
(A) PERANCA- NGAN	n. Objektif	1 2 (3) 4	} Perlu ditambah aspek untuk menyusun kegunaan kelayak.	
	b. Isi pelajaran	1 2 (3) 4		
	c. Strategi pengajaran pembelajaran	1 2 (3) 4		
	d. Sumber pengajaran pembelajaran	1 2 (3) 4		
	e. Penerapan nilai	1 (2) 3 4	} Perlu ditentukan sebelum praktikal.	
	f. Unsur KBKK	1 (2) 3 4		
(B) PELAKSA- NAAN	a. Permulaan	1 2 (3) 4	- Perlu ditentukan dengan kelak praktikal. - Berikan perubahan yg lebih dalam penyusunan kelas - Perlu lebih yakin, dan lebih lancar. - Tidak sempurna.	
	b. Perkembangan pengajaran	1 2 (3) 4		
	c. Pengurusan bilik darjah	1 2 (3) 4		
	d. Komunikasi	1 (2) 3 4		
	e. Kualiti pembelajaran	1 2 (3) 4		
	f. Penutup	1 (2) 3 4		
	g. Pencapaian objektif	1 (2) 3 4		
(C) AMALAN REFLEKSI	a. Pemikiran reflektif	1 2 (3) 4	} Perlu tambah ulasan kepada pembelajaran praktikal dan baik penyusunan / penyusunan e/ee.	
	b. Catatan reflektif	1 2 (3) 4		
	c. Pembinaan Portfolio	1 2 3 4		
(D) SIKAP DAN SAHSIAH	a. Penampilan diri	1 2 (3) 4	Memuaskan.	
	b. Keprihatinan	1 2 (3) 4		
	c. Pekerti	1 2 3 (4)		
	d. Sifat Profesional	1 2 3 (4)		
(E) ULASAN KESELURUHAN:				
Secara keseluruhan praktikal dengan penyusunan dan aspek dari kelas dan penyusunan.				

Tandatangan Pensyarah Pembimbing/Guru Pembimbing

(Nama:)

**SOALAN-SOALAN TEMU BUAL
UNTUK GURU-GURU PELATIH**

1. Apakah persepsi anda terhadap proses praktikum secara keseluruhan?

Soalan ini dikemukakan kerana pengkaji ingin memastikan bahawa responden dapat memahami proses praktikum secara keseluruhannya .

2. Bagaimana anda memastikan objektif pengajaran tercapai setelah tamat proses pengajaran dan pembelajaran?

Soalan ini bertujuan untuk membolehkan guru-guru pelatih mengukur pencapaian pengajaran mereka berdasarkan kepada objektif pengajaran yang telah mereka tetapkan.

3. Adakah anda menyediakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar?

Soalan ini dikemukakan kepada responden kerana terdapat guru-guru pelatih yang menggunakan satu aktiviti sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cadangan aktiviti ialah nyanyian, kuiz, permainan, simulasi, dll

4. Apakah kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah?

Soalan ini dikemukakan kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh mana kaedah dan teori-teori pembelajaran yang diajarkan kepada mereka di bilik-bilik kuliah dapat dipraktikkan di dalam kelas semasa latihan praktikum.

5. Bagaimanakah anda menangani masalah disiplin pelajar-pelajar semasa pengajaran sedang dilakukan?

Soalan ini dikemukakan untuk melihat kewibawaan guru pelatih menghadapi pelbagai ragam disiplin pelajar di dalam kelas.

6. Apakah persepsi anda terhadap penyeliaan dan pencerapan yang dilakukan oleh pensyarah pembimbing?

Soalan ini dikemukakan kepada responden untuk melihat kekuatan dan kelemahan penyeliaan pensyarah pembimbing.

RESPONDEN 1 : GURU PELATIH

NAMA : AMINAH

LOKASI : KANTIN SEKOLAH

TEMPAT : SEK. MEN JITRA

MASA : 7.45 pagi – 9.30 pagi

Penemuduga: *Apakah yang cikgu faham tentang praktikum ini secara keseluruhannya?*

Responden 1: Dia aa... melatih kita apa ... untuk mengajarlah kan, kita lebih terdedah kepada situasi sekolah semua untuk mengajar supaya kita nampak permasalahan sebenar antara teori dan praktikal

Penemuduga: *Apakah masalah praktikum yang cikgu alaminya sehingga sekarang?*

Responden 1: Masalah pergaulan dengan guru memang kurang sedikitlah,

Penemuduga: *Sebab dia orang letak cikgu di bilik yang berasingan kah?*

Responden 1: Bukan, sebab kita orang dalam bilik guru, kemudian duduk kat meja petang, cikgu pagi sebelah sana, cikgu lelaki sebelah sini dan cikgu perempuan sebelah sana so, kita orang kami berada jauhlah dengan cikgu-sikit dan kami tak rajinlah nak berjalan-jalan disebelah sana sebab seganlah. Nak bersembang-sembang pun rasa macam tak retilah. Kalau kita pergi dan mereka tengah berbual-bual kita nak masuk cakap pun tak tahu topik apa, so kita pun senyap juga (tersenyum)

Penemuduga: *Pandai-pandailah bawa diri. Masalahnya dari segi interaksi antara staff di situ dengan cikgu. Tak kan tak ada seorang atau dua orang yang berbual-bual dengan cikgu?*

Responden1: Ada seorang dua tapi yang seorang dua itu ialah yang rajin datang.

Penemuduga: *Mengapa cikgu tak masuk berbual dengan mereka?*

Respondent 1: Nak masuk macam mana, tiba-tiba dia orang tengah gelak, kita nak masuk bercakap tak kena lah. Tapi kalau meja kita dekat dengan meja cikgu perempuan sedaplah sikitkan. Ni, dekat dengan cikgu lelaki, dan agak jauh dengan cikgu perempuan.

Penemuduga: *Masalah cikgu dari segi pengajaran dalam kelas macam mana maksud saya disiplin pelajar?*

Responden 1: Kawalan kelas tu memang kurang. Susah sikit nak kawal.

Penemuduga: *Bising tak pelajar-pelajar tu?*

Responden 1: Dia orang macam kelas tingkatan 4 tu tak bising tetapi buat kerja tu macam tak ikut sangat apa yang kita nak. Bila kita pergi tempat lain dia orang buat benda lain.(kelihatan wajahnya seperti sedikit kecewa).

Penemuduga: *Adakah seperti yang saya lihat tadi?*

Respondent 1: Ya seperti buka internet, IRC, berborak, dan dia orang pulak memang kena buat laman web yang memang diberi tugas oleh guru asal mereka. Tadi bila kita tegur, mereka kata ini pun kerja TM juga dia kata. Walhal ini masa VB (Visual Basic), waktu tu kan patutnya ini pun TM juga dia orang kata. Ada setengahnya dia orang menjawab juga.....

Penemuduga: *Bagaimana cikgu nak mengatasi masalah ini?*

Responden 1: Selalunya saya tegur sajalah tak boleh buat macam ni, bagi kerjasama pada cikgu kan. Selalunya macam tu sajalah nak buat lebih-lebih tu tak beranilah pulak sebab kita pun baru, bukannya boleh... nanti kang lebih-lebih... kang ha... Lagipun budak-budak sekarang tak boleh dipukul kan? Hanya guru disiplin saja yang boleh. Tapi memang tak boleh tegur lebih-lebih lah... sebab tegur pun nanti buat lagi.

Penemuduga: *Setakat itu sajakah penyelesaiannya?*

Respondent 1: Tegurpun nanti mereka akan buat juga. Contohnya kadang-kadang mereka main *games*, kita *close*kan *games* tu, terus ambilkan *mouse* tu, dan *close* lepas tu mereka buka juga balik *games* tu. Itulah masalahnya... Nak denda pun tak boleh juga kan sebab dia orang tahu kita cikgu praktikum kan sebab tu dia orang tak pandang sangat dan hormat pada kita.

Penemuduga: *Cikgu tak berbincang dengan guru pembimbing ke?*

Respondent 1: Tak, sebab cikgu pembimbing memang dah bagi tau, terutama pelajar-pelajar cina memang macam tak minat saja.

- Penemuduga: *Adakah guru pembimbing membantu cikgu ?*
- Responden 1: Ada juga dia tunjukkan cara mengajar macam, kalau saya mengajar tapi tak banyak bercakap, bagi nota terus buat aktiviti sendiri saja di komputer. Kemudian dia tegur saya dan mengatakan kelas tu terlampau senyap kelas tu. Dia kata sepatutnya buat aktiviti dimana pelajar-pelajar yang mengalami masalah yang sama pergi ke komputer tu berkumpul dan terangkan masalah pelajar.
- Penemuduga: *Pernah lihat kawan atau guru-guru lain yang berpengalaman mengajar?*
- Responden 1: Tak, tak ada. Memang masa mula-mula masuk dulu guru pembimbing tak ada dia “berpantang” . So sendiri-sendiri pandailah untuk mengajar VB (Visual Basic) tu, kelas macam mana nak mengajar semuanya tak tahu. Nak rujuk pada siapa pun tak ada. Sebab dekat makmal pun yang belajar hanya di IPDA sahaja, sebab belajar pun dalam makmal. Kalau mengajar dalam kelas tu lainlah pulak.
- Penemuduga : *Adakah cikgu di dedahkan dengan mikro teaching?*
- Respondent 1: Tak ada hanya pembentangan biasa sahaja. Yang ada hanya kursus KPLI matematik sahaja yang ada. Mungkin kerana terlampau banyak kerja agaknya. Jadi kita orang hanya bentang sajalah. Bentang pun hanya bentang saja dengan baca *direct* saja.
- Penemuduga: *Masa cikgu mengajar dan buat latihan mengajar, cikgu tulis objektif dan soalnya bagaimana cikgu nak memastikan objektif cikgu tercapai?*
- Respondent 1: Bagi latihan, dan kita tengok budak tu faham atau tidak.
- Penemuduga: *Kalau budak tu tak faham apa tindakan yang selalu cikgu buat?*
- Respondent 1: Selalunya saya akan bagi latihan lagi, latihan lagi sampai mereka faham dan terang semula di papan hitam dan jika tak tercapai juga akan sambung pada kelas yang lain dengan topik yang sama. Kelas yang tertinggal tu kan memang tertinggal jika slow kami ikut rentak dia sajalah dan yang laju tu akan ikut rentak yang laju.

- Penemuduga: *Sukatan pelajaran pula macam mana?*
- Responden 1: Sememangnya kelas tu dibahagikan kepada 2 kumpulan dalam kelas tu. Kumpulan kelas yang tadi tu adalah kumpulan 2 lah yang slow sikit. Biasanya objektif kalau belah kumpulan yang cepat ni, objektif memang selalu tercapailah objektif pengajarannya, manakala yang slow ni, memang tak tercapai sangat, tadi yang buat kata laluan tadi tu kan, kumpulan 1 itu memang tercapailah, dan boleh buat. Yang sebelah sana tu kadang-kadang dia orang kata faham saja, tak taulah sama ada dia orang faham ke tidak
- Penemuduga: *Apa aktiviti pembelajaran yang selalu cikgu gunakan semasa mengajar di dalam makmal komputer?*
- Responden 1: Sebelum ni memang dia orang banyak gunakan aktiviti pembelajaran akses sendiri sebab pembelajaran bestari kan. Tapi minggu selepas cuti ni, saya banyak buat pembentangan kat depan kalau boleh nak guna LCD tu.. Sebab masa mula-mula tu LCD tu memang... mungkin kami pun tak reti sangat nak pakai LCD tu, masa kelas mengajar mula tu memang tak ada lepas tu baru ada dan minggu ni lah baru start buat pembentangan.
- Penemuduga: *Bagaimana dengan kerjasama pelajar-pelajar?*
- Respondent 1: Nak suruh mula-mula tu memang tak nak lah, sukar sikit terpaksa main tolak-tolak tapi mereka buat juga.
- Penemuduga: *Adakah cikgu menggunakan kaedah-kaedah lain selain dari pembentangan?*
- Respondent 1: Kami tak pernah buat flash card, tapi ada buat kuiz misalnya pada minggu lepas dan hari isnin nanti akan ada satu ujian lagi tapi selepas selesai topik yang diajar untuk mengukur pencapaian pelajar.
- Penemuduga: *Apakah kaedah atau teori-teori yang selalu cikgu gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah?*
- Respondent 1: (Responden mengambil sedikit masa untuk menjawab soalan ini) Kami tak menggunakan apa-apa teori dan kaedah yang khusus.

- Penemuduga: *Sebarang kaedah yang cikgu telah gunakan?*
- Respondent 1: Kami hanya guna kumpulan sajalah, ya kaedah kumpulan, perbincangan. Manakala teori tak tau yang mana hanya pakai ikut sajalah tak ada yang khusus. Kami main ikut sajalah. Tapi kami tak banyak cakap sangat, tak banyak menerangkan saja. Mungkin itu juga merupakan satu masalah kami kut, sebab tak banyak berkomunikasi dengan murid. Sebabnya depan komputer ni, pelajar lebih suka depan komputer kan, kita dok cakap kat depan pun kadang-kadang bila dia orang dah dapat komputer dia orang akan lebih tengok komputer saja, (tersenyum) kadang-kadang bila kita cakap apa-apapun kat depan pun mereka tak kisah. Nasib cikgulah nak cakap apa pun (tersenyum).
- Penemuduga: *Dia dengan dunia dia saja ke?*
- Responden 1: Suara kita pun tak kuat dan memang tak boleh nak kuatkan lagi. So nak tarik perhatian dia orang pun susah.
- Penemuduga: *Apa persepsi cikgu terhadap penyeliaan yang dijalankan oleh pensyarah?*
- Respondent 1: Tadi En. Mamat datang kan, so setiap kali dia datang, lepas tu dia mesti akan celah sekejap kelas saya dan dia akan buat satu cara untuk mengajar, memang saya tengoklah cara dia mengajar dan rasa macam kita boleh ambillah cara dia mengajar tu.
- Penemuduga: *Dia mengajar dalam kelas ke?*
- Responden 1: Bukan, dia cuma ambikkan sikit part, satu macam cara untuk tarik perhatian budak. Masa saya mengajar, budak macam tak tumpu perhatiannya dan En. Mamat masuk sekejap aje nak tunjukkan pada saya bagaimana nak tarik perhatian pelajar supaya berminat dengan apa yang kita cakapkan itu.
- Penemuduga: *Dia buat demontarasi dalam kelas atau dia beritahu cikgu?*
- Responden 1: Ya, dia buat demonstrasi dan budak-budak tengok maksud saya dia ajak budak-budak berkomunikasi dengan dia lah. Terangkan untuk satu kumpulan masa satu pembentangan. Masa tu banyak kumpulan so satu kumpulan dia *handle* dan lepas tu saya *handle* pulak. Sebab bila saya buat

cara saya budak macam lengah-lengah, buat kerja lain, tak beri perhatian pada apa yang kawan bentangkan. Bila En. Mamat tunjukkan tu barulah nampak lah pulak apa yang dia buat. Ha.. tu komen semua tu.

Penemuduga: *Selalunya pensyarah apabila selesai sesi penyeliaan apa aktiviti yang dia lakukan terhadap cikgu?*

Responden 1: Ya, dia berbincang dan tunjukkan pada saya, jadi bila En. Mamat tunjukkan pada saya, saya rasa itu OK lah tu. Dan bila tengok En. Mamat tunjukkan tu saya tengok mudah sangat sebab budak-budak tenung terus kepada guru di depan. Suara dia pun memang kuat dan satu makmal boleh dengar tapi teknik tu, maksud saya cakap yang lebih menarik minat budak.

Penemuduga: *Adakah semua pensyarah penyelia maksud saya untuk subjek Teknologi Maklumat melakukan perkara yang sama seperti En. Mamat Lakukan?*

Responden 1: Tak juga, pensyarah saya tak tunjuk dalam kelas, dia tengok saja apa yang kita buat kan, dan akhir pengajaran baru kami duduk berbincang balik apa yang patut buat. Selalunya dia tegur dari segi objektif pengajaran sahaja. Jarang pensyarah tunjuk bagaimana kita nak mengajar tu kadang-kadang kita tak tau nak mengajar macam mana. Lepas tu *lecture* pun terlalu sibuk kadang-kadang dia tak datang kan. Kadang-kadang kita pulak mengharapkan dia datang

Penemuduga: *Disaat-saat kita perlukan bimbingan pensyarah dia pulak tak ada*

Respondent 1: Ha aa... macam mana ni tak tahu kalau boleh biarlah *lecture* datangkan. Sebab kadang-kadang boleh tunjukkan kepada kita bagaimana menulis RPM (Rancangan Pengajaran Mingguan) itu sendiri bukannya boleh tulis dengan baik kan, objektif pengajaran, penerapan nilai murni tu kadang-kadang kita tak nampak apa kita nak buat Tapi *lecture* bila terlampau sibuk mungkin dia ada tugas. Lepas tu bila macam tu, bila datang terus nak observe kita. Kita pulak tak tahu apa-apakan

Penemuduga: *Ada pensyarah beritahu bila dia nak datang menyelia?*

Responden 1: Ada setengah dia beritahu ada setengah tak. Kadang-kadang tengok-tengok dah ada (tersenyum) dan muncul aje kat makmal. Ha aa masa macam tu lah

yang buat kita panik kan. Nasib baik, memang kita buat *lesson plan* tapi apa yang kita buat itu bukan yang terbaiklah.

Penemuduga: *Lain-lain masalah cikgu?*

Respondent 1: Masa mengajar kan yang jadi masalah ialah RPM mesti lari.

Penemuduga: *Maksud cikgu?*

Respondent 1: Macam ni, waktu malam tu, kita dah rancang elok-elok. Bila mengajar tu, mengajar budak kan, masa tu dia orang tak boleh buat. Cuba tengok tadi sepatutnya banyak, sepatutnya berapa..... aa. 9 kumpulan boleh bentang tapi hanya 5 kumpulan sahaja yang bentang. Oleh itu objektif pengajaran sudah tentu tidak tercapai.

Penemuduga: *Selain dari itu, tadi saya nampak banyak komputer tak berfungsi. Apa tindakan cikgu untuk mengatasi masalah ini?*

Respondent 1: Kita tak boleh buat apa-apa. Kita memang dah report pada guru pembimbing, kemudian guru pembimbing pun cakap tunggu saja. Ada komputer yang tak boleh nak di *install* seperti PC saya tu. Ada yang memang kena tukar *floppy drive*. Yang rosak. Tapi kerosakan tu dah lama sejak kami mula masuk lagi. Lagipun pelajar di sini dipertanggungjawabkan satu komputer satu pelajar. Memang cikgu TM, dia memang khaskan kepada pelajar tu saja. Pelajar tu saja yang kendalikan komputer tu. Kalau rosak pelajar tu lah yang tanggung.

Penemuduga: *Adakah cikgu berpuas hati terhadap pencapaian cikgu dalam latihan praktikum?*

Respondent 1: Saya tak berpuas hati sangat, sebab dari mula hingga akhir kalau nak meningkat pun hanya sedikit sahaja. Macam tak berbeza sangat dari mula mengajar hingga akhir mengajar. Sama saja stailnya.

Penemuduga: Saya rasa setakat ini dulu dan terima kasih kerana sudi untuk ditemu bual.

Respondent 1: Sama-sama.

**SOALAN-SOALAN TEMU BUAL
UNTUK PENSYARAH PEMBIMBING**

1. **Apakah masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru pelatih dalam menyediakan objektif pengajaran?**

Soalan ini dikemukakan untuk mendapat maklum balas dari pensyarah pembimbing terhadap penyeliaan mereka.

2. **Adakah guru pelatih benar-benar bersedia untuk menjalani latihan praktikum?**

Soalan ini dikemukakan kepada pensyarah kerana semasa pemerhatian dibuat terdapat guru-guru pelatih KPLI tidak bersedia sepenuhnya untuk menghadapi para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran seperti tidak berkeyakinan, gementar dan bimbang bila berhadapan dengan para pelajar.

3. **Adakah guru pelatih mempunyai minat dan motivasi yang tinggi semasa menjalani latihan mengajar?**

Soalan ini dikemukakan kerana pengkaji ingin mengetahui minat guru pelatih terhadap kerjaya perguruan yang mereka ceburi.

4. **Apakah masalah utama yang dihadapi oleh pensyarah pembimbing dalam penyeliaan praktikum?**

Soalan ini dikemukakan untuk mengetahui permasalahan utama yang sering dialami oleh pensyarah pembimbing semasa menyelia praktikum.

5. **Adakah kaedah yang digunakan oleh guru pelatih dalam bilik darjah semasa praktikum menepati teori-teori dan perkaedahan yang diajar dibilik-bilik kuliah?**

Soalan ini dikemukakan adalah untuk mengetahui keberkesanan teori-teori yang diajarkan kepada guru-guru pelatih dipraktikkan semasa latihan praktikum.

RESPONDEN 7 : PENSYARAH

NAMA : **EN. AYOB**
LOKASI : **BILIK REHAT PENSYARAH**
JABATAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
TARIKH : **24 SEPTEMBER 2002**
MASA : **12.00 TENGAH HARI.**

Penemuduga: *Sudah berapa lama En. Ayob menjadi pensyarah praktikum di Institut Perguruan Darulaman?*

Responden 7: Pensyarah praktikum sejak saya menjadi pensyarah di IPDA iaitu pada tahun 1996 hingga sekarang.

Penemuduga: *Pengalaman sebagai Ahli Jawatankuasa Praktikum, tentu saudara mempunyai banyak pengalaman dan masalah-masalah guru pelatih semasa menjalani latihan praktikum. Untuk itulah saya akan mengadakan satu temu bual dengan saudara berkenaan dengan permasalahan guru-guru pelatih semasa latihan praktikum dengan memfokuskan kepada guru-guru pelatih KPLI teknologi maklumat.*

Responden 7: Ya, saya sedia membantu. InsyaAllah.

Penemuduga: *Berdasarkan kepada pengalaman En. Ayob, adakah guru-guru pelatih kita benar-benar bersedia untuk menjalani latihan praktikum selama 2 ½ bulan itu?*

Responden 7: Kalau dilihat daripada aa... sepanjang praktikum KPLI, dulu saya terlibat dengan KDPM tapi 3 tahun kebelakangan ini saya terlibat dengan KPLI, aaa.... dan saya dapati pelajar-pelajar KPLI ini kebanyakannya kurang bersedia dari segi penulisan rancangan mengajar. Kita tak tau mengapa, kerana kita di maktab memang mendedahkan kepada mereka kaedah penulisan rancangan mengajar. Tapi bila di sekolah mereka ini tidak dapat menulis

rancangan pengajaran yang baiklah , terutama dari segi penulisan objektif itu sendirilah. Aa.. objektif pengajaran itu sendirilah.

Penemuduga: *Maksudnya objektif pengajaran yang dibuat oleh pelajar-pelajar KPLI ini tidak ada dalam sukatan pelajaran yang mereka ajar dan menyebabkan mereka terpaksa mencipta sendiri objektif tersebut?*

Responden 7: Ada....., ada dalam sukatan. Dalam sukatan memang terdapat cara nak nak menulis rancangan pengajaran tapi kita tak tahu setakat mana dia punya slack tu Pasai ketika mereka menulis rancangan pengajaran tu, mereka tidak dapat menulis dengan baiklah. Kadang-kadang implicit dengan eksplisit mereka masih confius lagi.mereka masih keliru antara objektif instrinsik dengan objektif extrinsik. Kadang-kadang dari segi isi dengan aktiviti masih bercampur aduk antara isi dan aktiviti, iaitu isi ditulis pada ruangan aktiviti dan aktiviti ditulis diruang isi. Dan satu lagi ialah strategi dan kaedah yang mereka gunakan tidak sesuai dengan isi yang hendak disampaikan.

Penemuduga: *Adakah guru pelatih mempunyai minat dan kemahiran yang tinggi semasa menjalani latihan praktikum. Maksud saya dari segi kreativiti pelajar itu sendiri.*

Responden 7: Dalam menjalani latihan praktikum, mereka ni, aa.... tidak berapa kreatiflah terutama dalam set induksi, biasa saja persembahannya seperti penyoalan, itu saja yang dilakukan oleh sebahagian besar guru pelatih KPLI. Mereka tidak ada satu daya kreatif untuk mellahirkan satu set induksi yang boleh meransang minat dan pemikiran pelajar untuk belajar. Kadang-kadang set induksi yang sama, dengan stail yang sama digunakan untuk setiap pengajaran guru pelatih.

Penemuduga: *Mengapa situasi ini berlaku?*

Responden 7: Situasi ini berlaku kerana kekurangan idea atau kerana mereka melihatnya dari buku-buku rancangan mengajar yang lalu, atau kemungkinan juga mereka ini membuat sekadar untuk melepaskan tanggungjawab semasa praktikum dan sekadar pergi praktikum sahaja. Bukan satu, tidak ada rasa satu bukan apa....tidak ada rasa tanggungjawab untuk membina satu pengajaran yang betul-betul berkesan.

Penemuduga: *Adakah mereka memilih untuk lulus sahaja kerana keputusan di akhir praktikum itu tidak ada gred A atau B atau C dan sebagainya?*

Responden 7: Saya rasa bukan faktor itu sahaja sebab kebanyakan guru pelatih tidak tahu sebenarnya bagaimana keputusan itu dinilai sama ada lulus atau gagal ataupun greding. Kebnyakkan mereka tak tahu, yang mereka tahu markah tinggi atau rendah itu saja.

Penemuduga: *Dalam proses menyelia latihan praktikum, mungkin ada masalah yang dihadapi oleh pensyarah pembimbing selain daripada masalah yang berkaitan dengan pelajar?*

Responden 7: Masalah pertama ialah masalah kekurangan sekolah-sekolah yang mempunyai makmal komputer, pada tahun ini masalah itu telah dapat di atasi kerana banyak sekolah yang sudah memiliki makmal komputer. Walau bagaimanapun pihak kami terpaksa menghantar pelajar – pelajar kita keluar Daerah Kota Star seperti Baling dan Kulim Kerana tidak ada makmal. Masalah kedua ialah masalah pensyarah yang tidak ramai dalam TM. Jadi 1 orang pensyarah terpaksa mengambil 5 hingga 6 orang guru pelatih untuk dinilai dan ini membebankan terutama sekali yang mendapat guru-guru pelatih yang ditempatkan di sekolah-sekolah jauh. Disamping itu

kebanyakan pensyarah-pensyarah TM terpaksa keluar dari IPDA atas tugas-tugas rasmi iaitu diluar negeri Kedah seperti ke Bahagian Pendidikan Guru untuk mesyuarat, membuat modul oleh itu mereka ini mempunyai kekangan masa untuk menyelia guru-guru pelatih.

Penemuduga: *Selain daripada itu adakah masa mengajar yang banyak dan terpaksa berkejar untuk balik mengajar dan sebagainya menimbulkan masalah dan beban tugas kepada pensyarah untuk menyelia praktikum.?*

Responden 7: Saya rasa waktu mengajar yang banyak saya rasa sebenarnya tak timbul. Yang menjadi maslah sebenarnya ialah terpaksa keluar untuk menjalankan tugas-tugas rasmi di luar IPDA.

Penemuduga: *Adakah pihak saudara mempunyai masalah dengan sekolah yang menempatkan guru pelatih.*

Responden 7: Setakat ini pihak kami tidak mempunyai masalah dengan pihak sekolah kerana guru pembimbing juga memberi kerjasama yang baik. Disamping itu kami juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Penemuduga: *Adakah kaedah yang digunakan oleh guru pelatih dalam bilik darjah semasa latihan praktikum menepati teori-teori dan perkaedahan yang diajarkan di bilik kuliah.*

Responden 7: Ada juga pelajar-pelajar yang mengikut apa yang telah diajar, tetapi terdapat juga pelajar-pelajar yang tidak menggunakan kaedah-kaedah dan mereka ini hanya kadang-kadang meniru rakan-rakan dan buku lama yang diperolehi dari senior.

Penemuduga: *Adakah perkaedahan dan strategi pengajaran diajar kepada guru-guru pelatih di bilik kuliah?*

Responden 7: Kaedah dan strategi memang diajar dalam kursus ilmu pendidikan.

Penemuduga: *Dari segi kurikulum dalam latihan perguruan yang berkaitan dengan praktikum tersebut?*

Responden 7: Dari segi kurikulum memang sudah memadai kerana dalam subjek TM terdapat sukatan-sukatan yang telah diintegrasikan dari segi pedagogikal. Contohnya mereka terpaksa membuat rancangan mengajar dalam satu-satu topik memang sudah mencukupi . Tetapi yang perlu diperbaiki ialah dari segi sikap pelajar itu sendiri perlu berubah dan saya cadangkan satu subjek Pengurusan Perubahan perlu diperkenalkan kepada mereka kerana pelajar-pelajar KPLI ni, rasa saya bukanlah golongan yang berminat sangat dalam bidang perguruan ni, mungkin mereka terdesak dalam mencari peluang pekerjaan dan golongan ini perlu digilap untuk menjadi seorang guru yang baik.

Penemuduga: *Terima kasih En. Ayob atas kerjasama yang diberikan sepanjang temu bual ini.*

Respondon 7: Sama-sama



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon : 03-2586900
Faks : 03-2554960
Laman Web : <http://161.142.144.5>

Ruj. Kami : KP(BPPDP)603/5 Jld.VIV(402)

Tarikh : 30 September 2002.

Encik Mohamad Fauzi bin Hamid,
No. 1, Sisiran 9,
Taman Siswa UUM,
Bandar Darulaman,
06000 Jitra,
KEDAH.

Tuan,

***Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-
Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-
Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia***

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:

**"Mengenalpasti Masalah Praktikum, Di
Kalangan Guru-Guru Pelatih Instiu
Perguruan Darulaman"**

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di
dalam cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini.
**Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi
daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri Yang
Berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan
setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dr. MOHD. SAHANDRI GANI B. HJ. HAMZAH)

b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Kedah.

Abdul Razak Abdul Wahab,
Timbalan Dekan (Pentadbiran),
Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia.